

MJHP MALAYSIAN JOURNAL OF HEALTH PROMOTION

Volume 2, 2020 ISSN: 2710-6330

Articles

Persepsi dan Penerimaan Masyarakat Negeri Pahang Terhadap Norma Baharu Kesan COVID-19

A Review on Social Determinants of Health on COVID-19 among Minority Ethnic Group: Health Promotion As Mediator

Portal MyHEALTH: Penggunaan dan Persepsi dalam Kalangan Pesakit

Effect of Invisible Pill Container on Medication Adherence and Convenience among Rvd (Retroviral Disease) Patients

HIV-Related Stigma and Discrimination: A Study among Pharmacists Working in Health Clinics Under Kuala Lumpur and Putrajaya Health Department

Exploring the Practices of Using Bisacodyl Suppositories and Glycerin (25%) and Nacl (15%) Enemas among Rehabilitation Patients

Pain Belief and Adherence to Pain Medications in Patients with Neuropathic Pain in Hospital Rehabilitasi Cheras

Orofacial Trauma involving “Mosquito Bicycles” In Paediatric Patients: Awareness and Preventive Measures

Food Safety Knowledge and Practices among Adult Consumers

**MALAYSIAN JOURNAL OF HEALTH PROMOTION
(MJHP)**

Volume 2, 2020 ISSN:2710-6330



Hak Cipta Institut Penyelidikan Tingkahlaku Kesihatan, 2020

Copyright Institute for Health Behavioural Research, 2020

MALAYSIAN JOURNAL OF HEALTH PROMOTION

Volume 2, 2020

(ISSN:2710-6330)

Patron

Dr. Manimaran A/L Krishnan Kaundan
(Director, Institute for Health Behavioural Research)

Editor

Albeny Joslyn Panting

Editorial Board

Rosnani Kassim

Nadia Amirudin

Norbaidurah Ithnain

Siti Nurhanim Mohamed Aimanan

Tengku Puteri Nadiah Tengku Baharudin Shah

Nur Izzati Mohammed Nadzri

Nurul Nadhirah Nasir

Reviewer

Dr. Mohammad Zabri Johari (Institute for Health Behavioural Research, NIH)

Dr. Normawati Ahmad (Institute for Health Behavioural Research, NIH)

Norrafizah Jaafar (Institute for Health Behavioural Research, NIH)

Komathi Perialathan (Institute for Health Behavioural Research, NIH)

Dr. Rosalia Saimon (Faculty of Medicine, University Malaysia Sarawak)

Dr. Yessy Octavia Misdi (Health Education Divison, MOH)

Dr. Affendi Isa (Health Education Divison, MOH)

Dr Vanitha Subramaniam (Health Education Divison, MOH)

CONTENT

Persepsi dan Penerimaan Masyarakat Negeri Pahang Terhadap Norma Baharu Kesan COVID-19

A Review on Social Determinants of Health on Covid-19 among Minority Ethnic Group: Health Promotion As Mediator

Portal MyHEALTH: Penggunaan dan Persepsi dalam Kalangan Pesakit

Effect of Invisible Pill Container on Medication Adherence and Convenience among Rvd (Retroviral Disease) Patients

HIV-Related Stigma and Discrimination: A Study among Pharmacists Working in Health Clinics Under Kuala Lumpur and Putrajaya Health Department

Exploring the Practices of Using Bisacodyl Suppositories and Glycerin (25%) and Nacl (15%) Enemas among Rehabilitation Patients

Pain Belief and Adherence to Pain Medications in Patients with Neuropathic Pain in Hospital Rehabilitasi Cheras

Orofacial Trauma involving “Mosquito Bicycles” In Paediatric Patients: Awareness and Preventive Measures

Food Safety Knowledge and Practices among Adult Consumers

PERSEPSI DAN PENERIMAAN MASYARAKAT NEGERI PAHANG TERHADAP NORMA BAHARU KESAN COVID-19

Azizam Mohd Ali¹, Ismawati Ishak¹, Yantie Shahida Abdul Manan¹, Nur
Azurin Ramlee¹, Nor Ayuni Ab Rahman & Hawa Bee Ibrahim¹

¹Jabatan Kesihatan Negeri Pahang

*Azizam binti Mohd Ali (Emel: alijaariah105@gmail.com)

ABSTRAK

Norma baharu dijadikan sebagai budaya serta amalan masyarakat bagi memutuskan rantaian jangkitan COVID-19. Sehubungan itu, tinjauan ini dilakukan untuk mengenalpasti persepsi dan penerimaan masyarakat di negeri Pahang terhadap pelaksanaan norma baharu kesan daripada COVID-19. Aspek penerimaan masyarakat yang dilihat adalah amalan norma baharu iaitu amal 3W (Wash, Wear dan Warn) dan elak 3S (elak tempat yang sesak, tempat yang sempit dan tertutup dan bersempang dekat-dekat). Tinjauan ini menggunakan kaedah keratan rentas secara atas talian. Kaedah Google Form digunakan bermula 28 April sehingga 12 Mei 2020 iaitu dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB). Tinjauan ini melibatkan sebanyak 2,213 responden di negeri Pahang. Terdapat tiga (3) bahagian dalam instrumen tinjauan tersebut iaitu demografi responden (5 item), persepsi (3 item) serta penerimaan dari aspek amalkan 3W (12 item) dan elakkan 3S (5 item). Hasil tinjauan mendapati majoriti masyarakat bersetuju untuk menjalani norma baharu dalam kehidupan seharian mereka (95.34%) dan bersetuju untuk mematuhi norma baharu (99.63%). Majoriti masyarakat menunjukkan penerimaan yang tinggi untuk patuhi jarak fizikal 1 meter (99.45%), 99.27% tidak mengadakan perhimpunan secara besar-besaran, 99.23% elak berada di tempat yang sempit dan tertutup, 98.92% keluar rumah jika perlu sahaja, kerap basuh tangan dengan air dan sabun (98.60%), 98.41% bersetuju untuk mengamalkan etika batuk dan bersin yang betul, 97.65% segera mendapatkan rawatan jika bergejala dan 96.70% memakai pelitup muka. Kesimpulannya, majoriti masyarakat di negeri Pahang mempunyai persepsi dan penerimaan yang positif terhadap norma baharu dalam usaha memutuskan rantaian jangkitan COVID-19 daripada terus merebak.

Kata kunci: Penerimaan, Elak 3S, Rantaian jangkitan COVID-19, Norma Baharu, Persepsi, Amal 3W

ABSTRACT

To break the COVID-19 infection chain, the new norm has become a societal culture and custom. Thus, this study was done to investigate the public's perception and acceptability of the new COVID-19 guideline (SOP) in the state of Pahang, Malaysia. The purpose of this study is to investigate the public's perception and acceptance of the new guideline in Pahang State. The acceptance aspects of the society that is being viewed are practice 3W (Wash, Wear and Warn) and avoid 3C areas (crowded places, confined spaces and close conservation). A cross-sectional online survey of 2,213 respondents in Pahang was conducted between 28th April 2020 until 12th May 2020 using Google Form within the Movement Control Order (MCO) and Conditional Movement Control Order (CMCO). There were three (3) sections in the survey instruments; respondent's demographic (5 items), perception (3 items), and acceptance in terms of practices 3W (12 items) and avoid 3C (5 items). The findings of this study had found that majority of the society agreed to practice the new norm in their daily life (95.34%) and agreed to oblige the new norm (99.63%). Majority of the society have shown high acceptance to oblige the 1 metre social distancing (99.45%), 99.27% have not organized mass gathering, 99.23% avoid confined space areas, stay at home and only go out for essential reasons (98.92%), frequent hand washing using soaps and water (98.60%), 98.41% agreed to practice the correct coughing and sneezing ethics, 97.65% seeking immediate treatment for any symptoms and 96.70% use face mask. In conclusion, majority of the Pahang state society has positive perception and high acceptance on the new norm in the efforts of breaking COVID-19 infection chain.

Keywords: *Acceptance, Avoid 3C, COVID-19 infection chain, New norm, Perception, Practice 3W*

1. PENGENALAN

Dunia dikejutkan dengan penyakit coronavirus 2019 (COVID-19) pada penghujung tahun 2019. Penyakit ini bermula di Wuhan, China. Penyakit COVID-19 boleh berjangkit dan tersebar dalam waktu yang singkat serta menyebabkan kematian jika langkah pencegahan dan rawatan awal tidak dilakukan dengan segera. Keseriusan jangkitan penyakit ini telah menyebabkan pemimpin-pemimpin negara mengambil langkah tegas dan segera bagi mengekang jaringan jangkitan penyakit ini. Malaysia tidak

terkecuali dalam mengambil tindakan yang tegas dan segera tersebut. Malaysia adalah salah sebuah negara yang dilaporkan antara negara yang terbaik di dunia dalam usaha memerangi COVID-19. Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) melalui laman media sosial *Facebook* rasminya pada 14 Julai 2020, melaporkan dengan jumlah kes dunia melebihi 12 juta, Amerika Syarikat, Brazil, India dan Rusia mempunyai jumlah kes antara 700,000 hingga 3 juta kes. Peratusan bagi keempat-empat negara ini adalah 52.14% daripada jumlah keseluruhan. Kadar kesembuhan dunia menunjukkan peningkatan iaitu 56.52% dan Malaysia berada di kedudukan ke-15 daripada 53 negara yang mempunyai kadar kesembuhan melebihi 90.00% (Kementerian Kesihatan Malaysia, 2020).

Kes COVID-19 pertama di Malaysia dikesan pada 25 Januari 2020 yang melibatkan tiga pelancong dari China (Reuters, 2020). Jumlah kes terus meningkat sebelum dua kes kematian pertama negara dicatatkan pada 17 Mac (New Strait Times, 2020). Melihat kepada keseriusan penyakit ini dan perebakan yang cepat hingga menyebabkan kematian, Kerajaan Malaysia atas nasihat KKM telah menguatkuasakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dilaksanakan di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 dan Akta Polis 1967 mengikut beberapa fasa iaitu Fasa Pertama pada 18 hingga 31 Mac 2020, Fasa Kedua pada 1 hingga 14 April 2020, Fasa Ketiga pada 15 hingga 28 April 2020 dan Fasa Keempat pada 29 April hingga 12 Mei 2020 sebagai usaha untuk menangani penularan jangkitan COVID-19 serta untuk menyedarkan rakyat Malaysia untuk segera bertindak dan mengambil langkah-langkah pencegahan bersama agensi-agensi Kerajaan yang berkaitan. Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dato' Dr. Nor Hisham Abdullah menyatakan matlamat utama dalam PKP adalah untuk mengurangkan kes COVID-19. Jika rakyat Malaysia patuh kepada perintah tersebut, maka kita akan dapat mengurangkan kes jangkitan dan pihak hospital akan dapat memberikan perkhidmatan terbaik untuk merawat pesakit COVID-19 (Astro AWANI, 2020).

Pada 13 Mei hingga 9 Jun 2020, Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) pula telah diperkenalkan memandangkan penurunan kes yang terkawal. Ketua Pengarah Kesihatan Tan Sri Dato' Dr. Noor Hisham Abdullah sekali lagi menjelaskan, biarpun kerajaan melaksanakan PKPB, rakyat tetap perlu patuh kepada prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan (Rafidah et al., 2020).

Seterusnya Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) dijalankan bermula 10 Jun hingga 31 Ogos 2020 sebagai usaha untuk membantu pemulihan ekonomi negara yang terjejas akibat penularan wabak COVID-19 di samping rakyat mengamalkan norma baharu dalam kehidupan seharian. Menurut YAB Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin Bin Haji Mohd Yassin, Perdana Menteri Malaysia, dalam tempoh PKPP ini, kerajaan memberikan lebih banyak kelonggaran kepada rakyat dengan syarat rakyat sendiri mengambil tanggungjawab secara serius untuk mengamalkan kebiasaan baharu kehidupan dan mematuhi semua SOP yang ditetapkan oleh kerajaan. Ini bermakna, tanggungjawab untuk memastikan wabak COVID-19 kekal terkawal berada di tangan rakyat sendiri (Pejabat Perdana Menteri Malaysia, 2020).

Menurut Maragakis (2020), selagi vaksin COVID-19 belum berjaya dihasilkan, selagi itulah kita akan berhadapan dengan risiko jangkitan. Kita perlu menyesuaikan diri dengan “norma baharu”, yang bermaksud cara hidup baru dalam menjalani kehidupan, pekerjaan dan berinteraksi dengan orang lain. Amalan norma baharu seperti jarak fizikal, mencuci tangan, memakai pelitup muka perlu diamalkan. Pandemik COVID-19 telah mengubah cara kita bekerja, berkomunikasi, dan bersosial secara drastik dan menyebabkan kita berhadapan dengan cabaran untuk membuat perubahan yang ketara dalam beberapa hari dalam kehidupan harian (Li et al., 2020). Norma baharu harus dapat mengubah tingkah laku masyarakat daripada sifat kebiasaan kepada norma baharu yang perlu diadaptasi. Mungkin sukar pada peringkat awalnya tetapi seperti kata bidalan, alah bisa tegal biasa. Penyesuaian dalam mengadaptasi norma baharu ini bukan sahaja boleh membantu mencegah jangkitan COVID-19 tetapi juga penyakit berjangkit lain yang tentunya boleh menjadikan rakyat lebih sihat, bersih, dan kuat (Saravanan, 2020).

Seperti penyakit influenza dan SARS-CoV-2, pencegahan yang standard sahaja bagi penyakit COVID-19 tidak dapat menghalang penyebaran kuman. Oleh itu, langkah pencegahan tambahan perlu dilakukan seperti menjaga jarak minimum 3 kaki daripada pesakit (disarankan penggunaan satu bilik), memakai pelitup muka (ketika berada dalam jarak 6-10 kaki untuk mengelakkan risiko tinggi berlaku jangkitan), dan mengekalkan penjagaan kebersihan pernafasan atau etika batuk yang betul (Siegel et al., 2007; Lynch et al., 2020). Memandangkan risiko penularan yang sangat tinggi dalam komuniti dan terutamanya disebarkan melalui titisan pernafasan, rekomendasi kawalan jangkitan ini dapat diperluaskan lagi dari *setting* hospital kepada *setting* orang awam dalam melaksanakan

aktiviti harian bagi mengurangkan penyebaran COVID-19 setelah penarikan balik *lockdown* (Kang, 2020).

Justeru, masyarakat perlu mengubah tingkah laku mereka kepada norma baharu bagi membendung penularan jangkitan COVID-19. Norma baharu yang disarankan oleh kerajaan adalah elak 3S dan amal 3W. Elakkan 3S iaitu elakkan kawasan yang sesak (*Crowded places*), elakkan kawasan yang sempit (*Confined spaces*) dan elak sembang atau bersembang dengan jarak yang dekat (*Close conversation*). Manakala amalkan 3W iaitu kerap mencuci tangan dengan air dan sabun (*Wash*), memakai pelitup muka (*Wear*), dan (*Warn*) iaitu amaran dari KKM yang lebih berkonsep peringatan seperti:

- i. Elak bersalaman / bersentuhan;
- ii. Lakukan disinfeksi pada permukaan yang kerap disentuh;
- iii. Dapatkan rawatan segera jika bergejala;
- iv. Amalkan etika batuk dan bersin yang betul;
- v. Duduk di rumah dan elakkan aktiviti kunjung-mengunjung.

Kebersihan tangan adalah langkah yang paling berkesan dalam pencegahan penularan mikroorganisma yang menyebabkan jangkitan dalam masyarakat serta di tempat kerja (Jumaa, 2005). Oleh itu, masyarakat perlu mengutamakan kebersihan diri termasuk kerap mencuci tangan dengan air dan sabun, menggunakan *hand sanitizer*, disinfeksi permukaan yang kerap disentuh, memakai pelitup muka apabila berada di tempat awam (Feng et al., 2020) dan mengamalkan etika batuk yang betul (Wolff, 2020). Semua pihak juga perlu mempraktikkan jarak fizikal untuk memastikan virus tidak menular dalam komuniti (World Health Organization, 2020).

Persepsi dan penerimaan terhadap norma baharu adalah penting untuk melihat kesediaan masyarakat dalam usaha memutuskan jaringan jangkitan COVID-19. Menurut Kamus Dewan (2007), persepsi adalah gambaran atau bayangan dalam hati atau fikiran (tentang sesuatu), pandangan (menerusi pancaindera), tanggapan. Manakala penerimaan pula adalah perihal (perbuatan dan sebagainya) menerima. Masyarakat perlu diberi pengetahuan oleh pihak kesihatan tentang langkah-langkah pencegahan COVID-19 agar norma baharu ini menjadi kepercayaan masyarakat. Mesej yang disampaikan oleh pihak kesihatan perlulah cukup dan lengkap walaupun tiada siapa yang tahu ia dapat membentuk tingkah laku norma baharu masyarakat (Mishagina et al., 2020). Oleh itu, tinjauan ini dijalankan adalah untuk mengenalpasti persepsi masyarakat yang merangkumi kesediaan dan kepatuhan terhadap pelaksanaan norma baharu dan penerimaan masyarakat untuk amalkan 3W dan elak 3S.

1.1 Objektif

Objektif Umum

Mengenalpasti persepsi dan penerimaan masyarakat di negeri Pahang terhadap norma baharu kesan daripada COVID-19.

Objektif Khusus

1. Mengenalpasti persepsi masyarakat di negeri Pahang terhadap norma baharu.
2. Mengenalpasti penerimaan masyarakat di negeri Pahang terhadap norma baharu daripada aspek amal 3W dan elak 3S.

1.2 Kerangka Konsep

Tinjauan ini memberi penekanan kepada elemen persepsi terhadap pelaksanaan norma baharu dan penerimaan masyarakat untuk mengamalkan norma baharu di negeri Pahang kesan daripada COVID-19.



Rajah 1: Kerangka konsep persepsi dan penerimaan masyarakat di negeri Pahang terhadap norma baharu kesan daripada COVID-19.

1.3 Persepsi masyarakat terhadap norma baharu

Pendekatan norma baharu perlu dilakukan oleh masyarakat. Oleh itu, masyarakat perlu mengubah tingkah laku mereka kepada norma baharu bagi membendung penularan jangkitan COVID-19. Tinjauan ini dijalankan adalah untuk melihat persepsi masyarakat sama ada bersedia dan patuh terhadap pelaksanaan amalan norma baharu.

1.4 Penerimaan daripada aspek amalkan 3W

Amalan 3W menjadi langkah utama dalam memutuskan rantaian COVID-19 daripada merebak. Sehubungan itu, membudayakan norma baharu dengan mengamalkan 3W adalah selaras dengan saranan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) dan KKM. Amal 3W yang disarankan meliputi:

- i. Kerap cuci tangan dengan air dan sabun.
- ii. Guna *hand sanitizer*.
- iii. Pakai pelitup muka.
- iv. Patuhi jarak fizikal 1 meter.
- v. Keluar rumah jika perlu sahaja.
- vi. Amalan etika batuk dan bersin yang betul.
- vii. Tidak bersalaman dan bersentuhan.
- viii. Segera dapatkan rawatan jika bergejala.
- ix. Temu janji secara atas talian.
- x. Disinfeksi pada permukaan yang disentuh.
- xi. Beli barang secara atas talian.
- xii. Melakukan imbasan suhu badan sebelum masuk premis.

1.5 Penerimaan daripada aspek elakkan 3S

Elakkan 3S menjadi langkah utama dalam memutuskan rantaian COVID-19 daripada merebak iaitu:

- i. Elak mengadakan perhimpunan secara besar-besaran.
- ii. Elak berada di tempat yang sempit dan tertutup.
- iii. Elak bersembang dekat-dekat.
- iv. Elak melakukan aktiviti kunjung-mengunjung.
- vi. Elak berada di tempat yang sesak.

2. METODOLOGI

2.1 Kumpulan Sasaran

Responden di negeri Pahang yang menjawab soalan tinjauan secara atas talian (*online*) menggunakan *Google Form*.

2.2 Reka Bentuk Tinjauan

Tinjauan ini menggunakan kaedah keratan rentas secara atas talian menggunakan *Google Form* bermula 28 April sehingga 12 Mei 2020 iaitu dalam tempoh PKP dan PKPB. Tinjauan ini melibatkan sebanyak 2,213

responden di negeri Pahang. Tempoh tinjauan ini dijalankan bermula dari 28 April 2020 sehingga 12 Mei 2020 sewaktu tempoh PKP. Soalan tinjauan ini dihebahkan melalui saluran media sosial menggunakan aplikasi *WhatsApp*. Terdapat tiga (3) bahagian dalam instrumen tinjauan iaitu demografi responden, persepsi serta penerimaan terhadap norma baharu iaitu amalkan 3W dan elak 3S. Demografi responden adalah umur, jantina, daerah (yang terdapat di negeri Pahang), pekerjaan serta bangsa. Persepsi masyarakat dilihat menerusi pandangan, kesediaan, dan kepatuhan terhadap pelaksanaan norma baharu. Manakala penerimaan masyarakat dilihat daripada aspek norma baharu iaitu amalkan 3W dan elak 3S.

Jadual 1: Bahagian dalam Soalan Tinjauan

Bahagian A: Demografi Responden	5 item
Bahagian B: Persepsi	3 item
Bahagian C: Amalkan 3W	12 item
Bahagian D: Elakkan 3S	5 item

2.3 Kaedah

Tinjauan ini menggunakan kaedah deskriptif dan dianalisis menggunakan perisian Excel 2013. Data dianalisis menggunakan bilangan kekerapan dan peratusan.

3. HASIL

3.1 Bahagian A: Demografi Responden

Jadual 2: Demografi Responden

Perkara		Bilangan (n) dan Peratus (%)
Umur	8 – 19 tahun	22 (1.00)
	20 – 29 tahun	307 (13.87)
	30 – 39 tahun	844 (38.13)
	40 – 49 tahun	650 (29.37)
	50 – 59 tahun	353 (15.95)
(n = 2,213)	60 tahun ke atas	37 (1.67)
Jantina	Lelaki	791 (35.74)
	Perempuan	1,422 (64.25)

Daerah	Kuantan	1,104 (49.88)
	Temerloh	245 (11.07)
	Bentong	213 (9.62)
	Bera	157 (7.09)
	Jerantut	123 (5.56)
	Maran	121 (5.47)
	Pekan	68 (3.10)
	Lipis	60 (2.71)
	Raub	56 (2.53)
	Rompin	49 (2.21)
	Cameron Highlands	17 (0.77)
Pekerjaan	Penjawat Awam	1,289 (58.24)
	Swasta / Bekerja sendiri	593 (26.80)
	Suri Rumah	185 (8.36)
	Pelajar	70 (3.16)
	Pesara	40 (1.80)
	Tidak bekerja	36 (1.36)
Bangsa	Melayu	2,096 (94.71)
	Cina	57 (2.57)
	India	30 (1.36)
	Lain-lain	30 (1.36)

Maklumat demografi responden menunjukkan bahawa kumpulan usia 30-39 tahun (38.13%) adalah paling tinggi menjawab soalan tinjauan, begitu juga responden perempuan (64.25%), daerah Kuantan (49.88%), bekerja sebagai penjawat awam (58.24%) dan bangsa Melayu (94.71%).

3.2 Bahagian B: Persepsi

Jadual 3: Persepsi Responden

Item	Persepsi	Bilangan (n) dan Peratus (%)
Pandangan terhadap norma baharu	Mudah dilakukan	1,264 (57.11)
	Sukar dilakukan	949 (42.88)
Kesediaan menjalani norma baharu	Setuju	2,110 (95.34)
	Tidak setuju	103 (4.65)
Kepatuhan menjalani norma baharu	Perlu patuh	2,205 (99.63)
	Tidak perlu patuh	8 (0.36)

Berdasarkan maklumat persepsi pula dapat dilihat bahawa lebih daripada separuh responden iaitu sebanyak 57.11% memberikan pandangan bahawa norma baharu mudah dilakukan. Manakala, lebih daripada 90% responden bersedia (95.34%) dan patuh (99.63%) untuk menjalani norma baharu.

3.3 Bahagian C: Amalkan 3W

Jadual 4: Amalkan 3W

Elemen	Ya n (%)	Tidak n (%)
Patuhi jarak fizikal 1 meter	2,201 (99.45)	12 (0.54)
Keluar rumah jika perlu sahaja	2,189 (98.92)	24 (1.08)
Kerap basuh tangan dengan air dan sabun	2,182 (98.60)	31 (1.40)
Amalan etika batuk dan bersin yang betul	2,178 (98.41)	35 (1.58)
Tidak bersalaman dan bersentuhan	2,174 (98.23)	39 (1.76)
Segera dapatkan rawatan jika bergejala	2,161 (97.65)	52 (2.34)
Pakai pelitup muka	2,142 (96.75)	71 (3.25)

Guna <i>hand sanitizer</i>	2,050 (92.63)	163 (7.36)
Temu janji secara atas talian	2,030 (91.73)	183 (8.27)
Disinfeksi pada permukaan yang kerap disentuh	1,775 (80.20)	438 (19.79)
Beli barang secara atas talian	1,750 (79.07)	463 (20.92)
Melakukan imbasan suhu badan sebelum masuk premis	1,668 (75.37)	545 (24.2)

Dapatan tinjauan menunjukkan lebih 80% responden mengamalkan 3W (*Wash, Wear, Warn*). Sebanyak 99.45% responden patuhi jarak fizikal 1 meter, 98.92% keluar rumah jika perlu sahaja dan 98.60% kerap basuh tangan dengan air dan sabun.

3.4 Bahagian D: Elakkan 3S

Jadual 5: Elakkan 3S

Elemen	Ya n (%)	Tidak n (%)
Elak mengadakan perhimpunan secara besar-besaran	2,197 (99.27)	16 (0.72)
Elak berada di tempat yang sempit dan tertutup	2,196 (99.23)	17 (0.76)
Elak bersembang dekat-dekat	2194 (99.14)	19 (0.86)
Elak melakukan aktiviti kunjung-mengunjung	2,173 (98.19)	40 (1.81)
Elak berada di tempat yang sesak	1,987 (89.78)	226 (10.21)

Dapatan tinjauan menunjukkan lebih 80.00% responden dapat menerima norma baharu dengan elak mengadakan perhimpunan secara besar-besaran (99.27%), elak berada di tempat yang sempit dan tertutup (99.23%) dan elak bersembang dekat-dekat (99.14%).

4. PERBINCANGAN

4.1 Persepsi Masyarakat Terhadap Norma Baharu

Hasil tinjauan ini mendapati lebih daripada separuh masyarakat di negeri Pahang (57.11%) berpendapat bahawa norma baharu mudah dilakukan. Masyarakat bersetuju untuk menjalani norma baharu dalam kehidupan seharian mereka (95.34%). Menurut Zafir Khan Mohamed Makhbul (2020), “Setiap individu perlu meninggalkan normaliti biasa. Mereka perlu tingkatkan kemampuan diri dalam menghadapi realiti yang akan datang yang mungkin lebih mencabar. Norma baharu ini mungkin dirasakan janggal dan sukar untuk diaplikasikan sekarang tetapi akan menjadi kebiasaan dan individu haruslah menerimanya dengan hati dan pemikiran yang terbuka”. Dapatan tinjauan turut menunjukkan sebanyak 99.63% masyarakat di negeri Pahang juga bersetuju untuk mematuhi norma baharu. Peratusan dapatan yang tinggi ini sejajar dengan kenyataan Ketua Polis Pahang YDH CP Dato’ Abd Jalil. Beliau menyatakan 90.00% hingga 95.00% masyarakat di negeri Pahang mematuhi arahan PKP selepas lima hari dilaksanakan (Pahang Media, 2020).

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dato’ Dr Noor Hisham Abdullah menasihati rakyat Malaysia untuk menyesuaikan diri dengan norma baharu dengan mengikut garis panduan yang telah ditetapkan. Beliau menekankan kepentingan mematuhi SOP yang memberi penekanan kepada penjarakan fizikal, menjaga keselamatan dan kebersihan diri. “Ini adalah tanggungjawab sosial kita, dan kita memerlukan disiplin dan kepatuhan sosial untuk melaksanakan dan mempraktikkan SOP. Tindakan setiap individu mempunyai kesan rantaian terhadap bagaimana kita menguruskan COVID-19 dalam komuniti kita. Kita harus mengadaptasi norma baharu dalam kehidupan kita,” katanya (Diyana, 2020). Dapatan tinjauan ini membuktikan bahawa masyarakat negeri Pahang akur kepada arahan yang dikeluarkan berkaitan norma baharu. Mereka bersetuju untuk mematuhi norma baharu tersebut dan merasakan bahawa bukanlah sukar untuk melaksanakannya dalam usaha untuk memutuskan jaringan jangkitan COVID-19.

4.2 Penerimaan Masyarakat Untuk Amalkan 3W dan Elakkan 3S

i. Kerap Basuh Tangan Dengan Air dan Sabun atau Guna *Hand Sanitizer*

Tinjauan norma baharu bagi aspek kebersihan diri menunjukkan majoriti masyarakat negeri Pahang menunjukkan sokongan yang tinggi terhadap kerap basuh tangan dengan air dan sabun (98.60%). Dapatan tinjauan ini disokong oleh kajian sistematik yang dijalankan oleh Rabie dan Curtis (2006) yang menyatakan amalan basuh tangan dapat mengurangkan risiko jangkitan pernafasan berdasarkan lapan kajian yang dilaporkan turut menunjukkan basuh tangan dapat merendahkan risiko jangkitan pernafasan dalam perkadaran antara 6% hingga 44%. Mencuci tangan adalah elemen penting dalam penjagaan kebersihan yang betul. Mencuci tangan merupakan langkah paling penting untuk mencegah penyebaran sebarang penyakit. Tangan harus dibasuh dengan menggunakan air dan sabun selama 30 saat serta selepas mencuci, individu tersebut perlu mengelak daripada menyentuh permukaan yang tercemar dengan tangan sendiri (Allegranzi et al., 2011). KKM menyarankan tujuh (7) langkah mencuci tangan dengan betul kerana tangan yang bersih boleh mencegah penyakit. Tujuh (7) langkah mencuci tangan yang disarankan adalah; (i) basahkan tangan dan ratakan sabun dengan sempurna, (ii) gosok kedua-dua tapak tangan, (iii) gosok setiap jari dan celah jari, (iv) gosok kuku di tapak tangan, (v) gosok belakang tangan dan celah jari, (vi) basuh tangan dengan air bersih secukupnya, dan (vii) keringkan tangan dengan kain bersih atau tisu (Jabatan Kesihatan Negeri Pahang, 2014).

Hasil tinjauan ini juga mendapati majoriti masyarakat negeri Pahang turut menyatakan penerimaan yang positif terhadap penggunaan *hand sanitizer* (92.63%). *Centers for Disease Control and Prevention* (CDC) mengesyorkan mencuci tangan dengan menggunakan air dan sabun. Namun sekiranya kemudahan tersebut tiada, penggunaan *hand sanitizer* yang mempunyai sekurang-kurangnya 60% kandungan alkohol dapat mengelakkan penyebaran kuman kepada orang lain (Centers for Disease Control and Prevention, 2020). Kajian oleh Azlan et al. (2020), menunjukkan 87.80% masyarakat Malaysia mengambil langkah pencegahan COVID-19 dengan mengamalkan aspek kebersihan tangan dengan betul. Alkohol berkesan dalam membunuh bakteria dan virus. Kandungan alkohol sebanyak 60 - 95% adalah paling efektif untuk membunuh bakteria dan virus. (Simone, 2005).

ii. Lakukan Disinfeksi pada Permukaan yang Kerap Disentuh

Masyarakat negeri Pahang turut menyedari kepentingan disinfeksi pada permukaan yang kerap disentuh. Hasil tinjauan ini menunjukkan 80.20% responden yang menyatakan demikian. Disinfeksi adalah proses untuk membasmi kuman bagi mengelakkan jangkitan penyakit (Centers for Disease Control and Prevention, 2016). Oleh itu, permukaan persekitaran mesti dibersihkan dengan menggunakan air dan disinfektan (Asgharzadeh et al., 2007). Disinfeksi penting untuk mengurangkan penularan jangkitan COVID-19 di rumah dan tempat awam seperti pejabat, sekolah, gimnasium, pasar raya, bank, stesen minyak, pengangkutan awam serta restoran. Permukaan yang kerap disentuh seperti tombol pintu, pemegang tingkap, kaunter, pamtandas, pemulas paip, lif, telefon pintar, papan kekunci komputer (World Health Organization, 2020). Dapatan ini turut disokong oleh Kampf et al. (2020) yang menyatakan bahawa disinfeksi dan pembersihan permukaan yang kerap disentuh seperti pintu, tandas, meja, suis dan sinki mesti dilakukan dengan membasmi kuman. Kajian yang dijalankan oleh Cozad dan Jones (2003) juga menunjukkan bahawa disinfeksi persekitaran dapat memberi manfaat kepada kesihatan awam dengan mengurangkan insiden jangkitan kuman.

iii. Patuhi Jarak Fizikal dan Elak 3S

Jarak fizikal bermaksud menjarakkan diri dari tempat orang awam berkumpul, mengelakkan perhimpunan besar dan cuba untuk menjarakkan diri sekurang-kurangnya satu (1) meter antara satu sama lain (World Health Organization, 2019). Individu yang bergejala perlu tinggal di bilik berasingan dan tidak berkongsi peralatan makanan, peralatan penjagaan diri serta bilik mandi (Centers for Disease Control and Prevention, 2020). Budaya jarak fizikal yang disarankan adalah; (i) letakkan tangan kanan di dada kiri sebagai ganti bersalam, (ii) jarakkan diri sekurang-kurangnya satu (1) meter daripada orang lain, (iii) elakkan keluar dari rumah jika tiada keperluan mendesak, dan (iv) elakkan tempat tumpuan orang ramai (Jabatan Kesihatan Negeri Pahang, 2020).

Majoriti masyarakat menyedari kepentingan penjarakan fizikal dalam menangani penularan jangkitan COVID-19. Tinjauan mendapati sebanyak 99.45% responden bersetuju untuk patuhi jarak

fizikal 1 meter, sebanyak 99.27% responden tidak mengadakan perhimpunan secara besar-besaran dan 98.92% keluar rumah jika perlu sahaja, 98.23% responden tidak bersalaman atau bersentuhan. Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dato' Dr Noor Hisham Abdullah menasihatkan masyarakat menyusun semula ruang pejabat agar lebih lapang dan selamat, melakukan disinfeksi seperti di pantri atau ruang solat (surau), dan menghadkan bilangan orang untuk berada di ruang tempat tersebut pada satu-satu masa untuk memastikan jarak sosial yang selamat (Diyana, 2020). Penyebaran virus adalah lebih rendah jika mengamalkan penjarakan fizikal 1 meter dan lebih berbanding jarak kurang daripada satu meter (Chu et al., 2020). Manakala kajian yang dijalankan oleh Qazi et al. (2020) menunjukkan penjarakan fizikal mempunyai hubungan yang signifikan dengan kesedaran masyarakat terhadap isu semasa. Kajian yang dijalankan oleh Muto et al. (2020) pula menunjukkan lebih 80% responden mengamalkan langkah-langkah penjarakan fizikal iaitu 80.50% responden menjauhi tempat yang sesak dengan orang ramai berada berdekatan dan 86.80% responden tidak pergi menghadiri perhimpunan besar-besaran serta kebanyakan masyarakat Jepun menunjukkan beberapa perubahan tingkah laku bagi mencegah jangkitan coronavirus.

Abubakar et al. (2012) pula berkata jangkitan pernafasan mudah berlaku jika berkumpul secara beramai-ramai atau berada di tempat yang sesak. Perhimpunan secara besar-besaran ditakrifkan sebagai himpunan kumpulan manusia lebih daripada 1,000 orang di lokasi dengan tujuan dan dalam jangka masa tertentu (Yezli & Alotaibi, 2016). Perhimpunan secara besar-besaran boleh dirancang atau secara spontan dan berulang atau sporadik. Perhimpunan secara besar-besaran yang dirancang adalah seperti acara sukan, sosial, kebudayaan, keagamaan, dan politik (World Health Organization, 2008). Perhimpunan secara besar-besaran yang tidak dirancang adalah seperti acara pengebumian. Perhimpunan besar-besaran mungkin juga merangkumi pusat pemindahan penduduk akibat bencana alam, konflik, dan peperangan (World Health Organization, 2015). Implikasi utama perhimpunan secara besar-besaran adalah terdedah kepada risiko keselamatan kesihatan seperti jangkitan penyakit berjangkit serta wabak (Karami et al., 2019). Bersalam tangan adalah budaya sapaan masyarakat, namun, budaya ini berpotensi dalam menyebarkan jangkitan secara langsung antara individu (Mela &

Whitworth, 2014). Bishai et al. (2011) juga menyatakan bahawa sentuhan secara langsung antara individu berpotensi menjadi penyebaran utama jangkitan kuman.

iv. Amal Etika Batuk dan Bersin yang Betul, Dapatkan Rawatan Segera Jika Bergejala dan Pakai Pelitup Muka

Masyarakat juga mempunyai tahap kesedaran yang tinggi terhadap kepentingan penjagaan kesihatan diri bagi mengekang penularan jangkitan COVID-19. Tinjauan ini mendapati sebanyak 98.41% responden bersetuju untuk mengamalkan etika batuk dan bersin yang betul, 97.65% responden bersetuju untuk dapatkan rawatan segera jika bergejala, dan 96.7% responden bersetuju memakai pelitup muka.

Jangkitan pernafasan biasanya disebarkan melalui partikel-partikel di udara yang dilepaskan oleh individu semasa bercakap atau batuk (Centers for Disease Control and Prevention, 2015). CDC mencadangkan amalan etika batuk yang betul adalah perlu untuk mencegah jangkitan pernafasan melalui udara (Siegel, 2007). Individu yang mengalami gejala pernafasan perlu mengamalkan etika batuk sebagai langkah pencegahan dan kawalan dengan cara tutup mulut dan hidung ketika batuk atau bersin dengan tisu atau pelitup muka. Kemudian, buang tisu atau pelitup muka yang telah digunakan dengan cara yang betul dan segera cuci tangan (World Health Organization, 2007). Kajian yang dilakukan oleh Dutta (2020) menunjukkan bahawa titisan air liur mungkin mengandungi lebih daripada 2 juta virus. Menurut Zhu (2006), kira-kira 3,000 titisan air liur dikeluarkan daripada badan setiap kali batuk. Manakala, setiap kali bersin, kira-kira 40,000 titisan air liur dikeluarkan dan kuantiti ini mampu untuk mencemari ruang tertutup seperti bilik tidur, pejabat dan ruang tamu (Marr, 2019). Anda boleh hentikan penyebaran kuman ketika batuk atau bersin dengan cara; (i) pakai pelitup muka, (ii) palingkan muka daripada orang lain dan makanan apabila batuk atau bersin, (iii) tutup hidung dan mulut anda dengan tisu atau sapu tangan ketika batuk atau bersin serta buang tisu ke dalam bakul sampah, (iv) elakkan pergi ke tempat yang sesak, (v) jangan berkongsi sapu tangan atau tuala dengan orang lain, (vi) elakkan menyentuh muka, hidung atau mulut dan (vii) jika tiada pilihan lain, anda boleh menggunakan lengan baju atau skaf. Jangan bersentuhan dengan orang lain sehingga pakaian tersebut ditukar (Jabatan Kesihatan Negeri Pahang, 2019).

Menurut kajian Zhong (2020), sebanyak 98.20% responden bersetuju cara yang berkesan untuk mengurangkan penyebaran virus adalah dengan melakukan isolasi dan rawatan terhadap orang yang dijangkiti virus COVID-19. Manakala 97.30% responden bersetuju bahawa individu yang mempunyai kontak dengan pesakit COVID-19 harus segera dikuarantinkan. Merawat pesakit pada peringkat awal dengan segera akan dapat mencegah kondisi mereka dari ringan kepada teruk. Mendapat rawatan awal boleh mengelakkan mereka daripada dimasukkan ke unit rawatan rapi. Tindakan ini juga akan mengurangkan bebanan terhadap sektor perubatan dalam memberi perkhidmatan rawatan kepada pesakit. Merawat individu yang tidak bergejala atau mempunyai gejala ringan COVID-19 akan memberi manfaat kepada semua (Malley & Lipsitch, 2020). Sehubungan itu, penting bagi setiap individu mendapatkan rawatan awal apabila bergejala COVID-19 supaya tindakan ini dapat menguntungkan individu, keluarga, masyarakat dan negara itu sendiri dari segi kesihatan, keselamatan, ekonomi dan kesejahteraan kehidupan.

Sehubungan itu, pemakaian pelitup muka dapat mengurangkan risiko jangkitan yang tinggi (Chu, 2020). Dapatan kajian Zhong et al. (2020) menunjukkan sebanyak 73.90% responden menyatakan bahawa orang ramai boleh memakai pelitup muka bagi mengelakkan risiko jangkitan COVID-19. Masyarakat yang memakai pelitup muka dapat mengurangkan risiko jangkitan kerana pelitup muka dapat menyekat penyebaran titisan cecair pernafasan dalam kalangan komuniti (Leffler et al., 2020) dan pemakaian pelitup muka juga berjaya dilaksanakan semasa wabak lain seperti SARS dan MERS (Syed et al., 2020). Berdasarkan situasi pandemik COVID-19 yang berlaku sekarang, Leffler et al. (2020) menyatakan bahawa negara-negara yang menjadikan pemakaian pelitup muka sebagai norma budaya atau menjadi dasar polisi pemerintah dapat mengurangkan risiko kematian per kapita berbanding dengan negara-negara yang tidak melaksanakan galakan pemakaian pelitup muka.

5. KESIMPULAN

Krisis COVID-19 yang berlaku pada masa kini telah menjadi peringatan kepada masyarakat bahawa pentingnya untuk mengamalkan norma baharu iaitu amalkan 3W (*Wash, Wear dan Warn*) dan elakkan 3S (elak tempat yang sesak, tempat yang sempit dan tertutup dan bersempang dekat-dekat)

bagi mengelakkan penularan jangkitan COVID-19. Amal 3W dan elak 3S merangkumi aspek kebersihan diri, penjarakan fizikal dan kesihatan diri. Majoriti masyarakat di negeri Pahang mempunyai persepsi dan penerimaan yang positif terhadap amalan norma baharu dalam memutuskan rantaian jangkitan COVID-19 daripada terus merebak. Mereka dapat menjadikan norma baharu ini sebagai budaya dan amalan dalam kehidupan seharian. Langkah yang telah diambil dan menampakkan keberkesannya dalam memutuskan jaringan COVID-19 adalah kawalan pergerakan dan jarak fizikal. Penjagaan kesihatan pada tahap maksimum adalah antara senjata utama dalam menyekat perebakan COVID-19. Aktiviti sosial dan kemasyarakatan adalah antara aktiviti biasa yang terpaksa dibatalkan atau dihentikan. Perhimpunan secara besar-besaran juga perlu dihentikan. Budaya berjabat tangan digantikan dengan meletakkan tangan kanan di dada kiri sebagai tanda hormat tanpa adanya sentuhan. Begitulah antara norma baharu yang perlu dijadikan sebagai budaya dan amalan kini. Tiada yang terkecuali daripada mengamalkan norma baharu.

RUJUKAN

- Abubakar, I., Gautret, P., Brunette, G. W., Blumberg, L., Johnson, D., Pomerol, G., Memish, Z. A., Barbeschi, M., & Khan, A. S. (2012). Global perspectives for prevention of infectious diseases associated with mass gatherings. *The Lancet Infectious Diseases*, *12*(1), 66–74.
- Allegranzi, B.A, Kilpatrick C, & Pittet, D. (2011). IFIC Basic concepts of infection control: Hand hygiene. *Edisi 2*, 137-155. International Federation of Infection Control.
- Asgharzadeh, M., Mazloumi, A., Kafil, H. S., & Ghazanchaei, A. (2007). Mannose-binding lectin gene and promoter polymorphism in visceral leishmaniasis caused by *Leishmania infantum*. *Pakistan Journal of Biological Sciences: PJBS*, *10*(11), 1850.
- AstroAWANI. (2020, April 6) *Matlamat kita dalam PKP adalah untuk mengurangkan kes COVID-19* [Sidang media]. <http://www.astroawani.com/video-malaysia/matlamat-kita-dalam-pkp-adalah-untuk-mengurangkan-kes-covid-19-1842080>
- Azlan, A. A., Hamzah, M. R., Sern, T. J., Ayub, S. H., & Mohamad, E. (2020). Public knowledge, attitudes and practices towards COVID-19: A cross-sectional study in Malaysia. *PLOS ONE*, *15*(5), e0233668.

- Bishai, D., Liu, L., Shiau, S., Wang, H., Tsai, C., Liao, M., Prakash, S., & Howard, T. (2011). Quantifying School Officials' Exposure to Bacterial Pathogens at Graduation Ceremonies Using Repeated Observational Measures. *The Journal of School Nursing*, 27(3), 219–224.
- Centers for Disease Control and Prevention. (2020, Mac 3). *Show Me the Science—When & How to Use Hand Sanitizer in Community Settings*. Diperoleh dari <https://www.cdc.gov/handwashing/show-me-the-science-hand-sanitizer.html>
- Centers for Disease Control and Prevention. (2016, September 18). *Introduction, Methods, Definition of Terms: Guideline for Disinfection and Sterilization in Healthcare Facilities (2008)*. Diperoleh dari <https://www.cdc.gov/infectioncontrol/guidelines/disinfection/introduction.html>
- Centers for Disease Control and Prevention. (2009, Ogos 1). *Respiratory hygiene/cough etiquette in healthcare settings*. Diperoleh dari <http://www.cdc.gov/flu/professionals/infectioncontrol/resphygiene.htm>.
- Chu, D. K., Akl, E. A., Duda, S., Solo, K., Yaacoub, S., Schünemann, H. J., Chu, D. K., Akl, E. A., El-harakeh, A., Bognanni, A., Lotfi, T., Loeb, M., Hajizadeh, A., Bak, A., Izcovich, A., Cuello-Garcia, C. A., Chen, C., Harris, D. J., Borowiack, E., ... Schünemann, H. J. (2020). Physical distancing, face masks, and eye protection to prevent person-to-person transmission of SARS-CoV-2 and COVID-19: a systematic review and meta-analysis. *The Lancet*, 395(10242), 1973–1987.
- Cozad, A., & Jones, R. D. (2003). Disinfection and the prevention of infectious disease. *American Journal of Infection Control*, 31(4), 243-254.
- Diyana, P. (2020, Mei 3). *Health DG: M'sians returning to work must adjust to new norm, follow guidelines*. TheStar. Diperoleh dari <https://www.thestar.com.my/news/nation/2020/05/03/health-dg-m039sians-returning-to-work-must-adjust-to-new-norm-follow-guidelines>
- Dr Y.L.M. (2020, Mei 21). *Covid-19: What does the 'new normal' mean?*. TheStar. Diperoleh dari <https://www.thestar.com.my/lifestyle/health/2020/05/21/covid-19-what-does-the-039new-normal039-mean>
- Dutta, P.K. (2020, Mac 2020). *Spread of coronavirus infection and science of cough and sneeze*. IndiaTODAY. Diperoleh dari <https://www.indiatoday.in/coronavirus-outbreak/story/spread-of-coronavirus-infection-and-science-of-cough-and-sneeze-1659960-2020-03-26>

- Feng, S., Shen, C., Xia, N., Song, W., Fan, M., & Cowling, B. J. (2020). Rational use of face masks in the COVID-19 pandemic. *The Lancet Respiratory Medicine*, 8(5), 434-436.
- Jabatan Kesihatan Negeri Pahang.(2020, Mac 17). Jarak sosial penting bagi mencegah penularan COVID-19. Diperoleh dari <https://www.facebook.com/jknphg/posts/3115834518435735>
- Jabatan Kesihatan Negeri Pahang. (2019). Etika Batuk [Risalah]. Terbitan oleh Jabatan Kesihatan Negeri Pahang.
- Jabatan Kesihatan Negeri Pahang. (2014). Pastikan tangan anda bersih: Basuhlah tangan dengan betul [Poster]. Terbitan oleh Jabatan Kesihatan Negeri Pahang.
- Jumaa, P. A. (2005). Hand hygiene: simple and complex. *International Journal of Infectious Diseases*, 9(1), 3-14.
- Kampf, G., Todt, D., Pfaender, S., & Steinmann, E. (2020). Persistence of coronaviruses on inanimate surfaces and their inactivation with biocidal agents. *Journal of Hospital Infection*, 104(3), 246-251.
- Kamus Dewan. (4th ed.). (2007). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kang, J. (2020). Public precautions to fight the COVID-19 pandemic: an infection control perspective. *Journal of Global Health Science*, 2(1).
- Karami, M., Doosti-Irani, A., Ardalan, A., Gohari-Ensaf, F., Berangi, Z., Massad, E., ... & Gouya, M. M. (2019). Public health threats in mass gatherings: A systematic review. *Disaster Medicine and Public Health Preparedness*, 13(5-6), 1035-1046.
- Kementerian Kesihatan Malaysia. 2020. *Home*[Facebook Page]. Coronavirus virus disease 19 (COVID-19). Diperoleh dari <https://web.facebook.com/kementeriankesihatanmalaysia/photos/a.10151657414821237/10157220865116237/>
- Li, J., Ghosh, R., & Nachmias, S. (2020). In a time of COVID-19 pandemic, stay healthy, connected, productive, and learning: words from the editorial team of HRDI.
- Leffler, C. T., Ing, E., McKeown, C. A., Pratt, D., & Grzybowski, A. (2020). Final Country-wide Mortality from the Novel Coronavirus (COVID-19) Pandemic and Notes Regarding Mask Usage by the Public. April 4, 2020.
- Leffler, C. T., Ing, E. B., Lykins, J. D., Hogan, M. C., McKeown, C. A., & Grzybowski, A. (2020). Association of country-wide coronavirus mortality with demographics, testing, lockdowns, and public wearing of masks. Update June 2, 2020. *medRxiv*.

- Lynch, J. B., Davitkov, P., Anderson, D. J., Bhimraj, A., Cheng, V. C. C., Guzman-Cottrill, J., ... & Liang, S. Y. (2020). Infectious Diseases Society of America Guidelines on Infection Prevention for Health Care Personnel Caring for Patients with Suspected or Known COVID-19. *J Glob Health Sci.*
- Malley, R & Lipsitch, M. (2020, Mei 22). *Treating Mild Coronavirus Cases Could Help Save Everyone*. The New York Times. Diperoleh dari <https://www.nytimes.com/2020/05/22/opinion/coronavirus-treatment-mild-symptoms.html>
- Maragakis, L.L.(2020, Mei 29). The new normal and coronavirus. Diperoleh dari <https://www.hopkinsmedicine.org/health/conditions-and-diseases/coronavirus/coronavirus-new-normal>
- Marr, L. C., Tang, J. W., Van Mullekom, J., & Lakdawala, S. S. (2019). Mechanistic insights into the effect of humidity on airborne influenza virus survival, transmission and incidence. *Journal of the Royal Society Interface*, 16(150), 20180298.
- Mela, S., & Whitworth, D. E. (2014). The fist bump: A more hygienic alternative to the handshake. *American Journal of Infection Control*, 42(8), 916-917.
- Mishagina, N., Laszlo, S., & Strumpf, E. (2020, Mac 31), *The importance of new social norms in a COVID-19 outbreak, Can preventive measures become social norms? A study of the 2009 H1N1 u outbreak oers lessons for public health messaging*. Diperoleh dari <https://policyoptions.irpp.org/magazines/march-2020/the-importance-of-new-social-norms-in-a-covid-19-outbreak/>
- Muto, K., Yamamoto, I., Nagasu, M., Tanaka, M., & Wada, K. (2020). Japanese citizens' behavioral changes and preparedness against COVID-19: An online survey during the early phase of the pandemic. *Plos one*, 15(6), e0234292.
- New Straits Times. (2020, Mac 17). *Malaysia records first two COVID-19 deaths; cases soar to 673*. Diperoleh dari <https://www.nst.com.my/news/nation/2020/03/575451/malaysiarecords-first-two-covid-19-deaths-cases-soar-673>
- Pahangmedia. 2020. *COVID-19: 95 Peratus Masyarakat Pahang Patuh Arahan Perintah Kawalan Pergerakan*. Diperoleh dari <https://pahangmedia.my/covid-19-95-peratus-masyarakat-pahang-patuh-arahan-perintah-kawalan-pergerakan/>

- Pejabat Perdana Menteri Malaysia. (2020). Teks Ucapan YAB Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd Yassin Perdana Menteri Malaysia Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) 7 Jun 2020 (Ahad). Diperoleh dari <https://www.pmo.gov.my/ms/2020/06/teks-ucapan-pelaksanaan-perintah-kawalan-pergerakan-pemulihan-pkpp-2/>
- Qazi, A., Qazi, J., Naseer, K., Zeeshan, M., Hardaker, G., Maitama, J. Z., & Haruna, K. (2020). Analyzing situational awareness through public opinion to predict adoption of social distancing amid pandemic COVID-19. *Journal of Medical Virology*.
- Rabie, T., & Curtis, V. (2006). Handwashing and risk of respiratory infections: a quantitative systematic review. *Tropical Medicine & International Health*, 11(3), 258-267.
- Rafidah Mat Ruzki; Mohd Iskandar Ibrahim; Ilah Hafiz Aziz & Fahmy A Rosli. (2020, Mei 4). *Amalkan disiplin sosial ketika PKPB - Dr Noor Hisham*. Berita Harian. Diperoleh dari <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/05/685127/amalkan-disiplin-sosial-ketika-pkpb-dr-noor-hisham>
- Reuters. (2020, Jan 25). *Malaysia confirms first cases of coronavirus infection*. Diperoleh dari <https://www.reuters.com/article/china-health-malaysia/malaysia-confirms-firstcases-of-coronavirus-infection-idUSL4N29U03A>
- Saravanan, M. (2020, Mei 13). *Segerakan anjakan kehidupan normal baharu*. Berita Harian. Diperoleh dari <https://www.bharian.com.my/kolumnis/2020/05/688204/segerakan-anjakan-kehidupan-normal-baharu>
- Siegel, J. D. (2007). Healthcare Infection Control Practices Advisory Committee 2007 Guideline for isolation precautions: preventing transmission of infectious agents in healthcare settings. http://www.cdc.gov/ncidod/dhqp/gl_isolation.html.
- Simonne, A. (2005). Hand hygiene and hand sanitizers.
- Syed, Q., Sopwith, W., Regan, M., & Bellis, M. A. (2003). Behind the mask. Journey through an epidemic: some observations of contrasting public health responses to SARS. *Journal of Epidemiology & Community Health*, 57(11), 855-856.
- Wolff, R. (2020). No Cover-Up Here: A Descriptive Study of Observations of Coughing on Hands and the Lack of Proper Respiratory Hygiene Behaviors or Cough Etiquette. Available at SSRN 3565981.

- World Health Organization. (2020). Q&A: Considerations for the cleaning and disinfection of environmental surfaces in the context of COVID-19 in non-health care settings. Diperoleh dari <https://www.who.int/news-room/q-a-detail/q-a-considerations-for-the-cleaning-and-disinfection-of-environmental-surfaces-in-the-context-of-covid-19-in-non-health-care-settings>
- World Health Organization. (2019, Desember 19). What is WHO's role in mass gatherings?. Diperoleh dari <https://www.who.int/news-room/q-a-detail/what-is-who-s-role-in-mass-gatherings>
- World Health Organization. (2015). Public health for mass gatherings: Key considerations. Geneva (CH)
- World Health Organization. (2008). Communicable disease alert and response for mass gatherings: Key considerations. Geneva.
- World Health Organization. (2007). Standard precautions in health care.
- Yezli, S., & Alotaibi, B. M. (2016). Mass gatherings and mass gatherings health. *Saudi Medical Journal*, 37(7), 729.
- Zafir Khan Mohamed Makhbul. (2020, Mei 3). Challenges on accepting change post-Covid-19. *New Straits Times*. Diperoleh dari <https://www.nst.com.my/opinion/columnists/2020/05/589561/challenges-accepting-change-post-covid-19/>
1. PENGENALAN

Tema Hari AIDS Sedunia 2012 adalah *Getting to Zero: zero new Human Immunodeficiency Virus (HIV) infections, zero deaths from Acquired Immunodeficiency Syndrome (AIDS)-related illness, zero discrimination* (World Health Organization, 2012). Dalam konteks ini, Malaysia telah menerima pakai sasaran UNAIDS (Joint United Nations Programme on HIV and AIDS) yang menuju ke arah 90-90-90 menjelang 2020, iaitu “90% of

key populations tested and know their results, 90% of those detected HIV (Human Immunodeficiency Virus) positive placed on antiretroviral (ARV) therapy, and 90% of these adhering to ART with suppressed viral load” (Ngadiman et al., 2015). Sasaran ini dijangka menamatkan pandemik *Retroviral Disease* (RVD) menjelang tahun 2030 (Myhre & Sifris, n.d.). Namun, pencapaian Malaysia adalah hanya 86-55-97 pada tahun 2018 (Suleiman & Chai Phing Tze, 2014).

Pengurusan rintangan ubat ARV adalah kritikal bagi mencapai sasaran 90-90-90 (World Health Organization, 2019). Rintangan terhadap ubat ARV boleh berlaku sekiranya pesakit tidak mengambil ubat pada waktu yang tepat dengan konsisten setiap hari (Hasim, 2015; Wahid, 2014; Roshazad & Adnan, 2020). Dr. Monica Gandhi, pengarah perubatan klinik HIV di University of California San Francisco (UCSF), berpendapat bahawa ketidakpatuhan kepada waktu pengambilan ubat merupakan kelemahan kepada kegagalan rawatan RVD (Brink, 2018). Ketidakpatuhan telah dikaitkan dengan jangkitan akibat rintangan ubat, kemerosotan penyakit, dan kematian (Bangsberg et al., 2001; García de Olalla et al., 2002; Hogg et al., 2002). Kajian mendapati bahawa ketidakpatuhan kepada ubat menyebabkan kesihatan terjejas secara mendadak (Peterson et al., 2003). Kegagalan mengambil ubat dengan betul telah membelanjakan kos sistem penjagaan kesihatan sebanyak \$100 billion hingga \$289 billion setahun di Amerika Syarikat (Peterson et al., 2003; Viswanathan et al., 2012).

Pesakit RVD digalakkan untuk mengambil ubat pada masa yang sama dan tepat setiap hari. Mereka perlu mengambil ubat dalam jangka masa dua jam sahaja tanpa terlalu awal ataupun terlalu lewat (Pebody, 2019). Seperti dijelaskan di Gambar 4, jika pesakit RVD tidak mengambil ubat ARV pada waktu yang tepat setiap hari, risiko rintangan ubat akan meningkat (Wahid, 2014). Rintangan ubat menyebabkan ARV *first line* tidak berkesan terhadap penyakit RVD dan kegagalan rawatan. Dalam keadaan ini, ARV *second line* yang berkos tinggi dan mempunyai kesan sampingan lebih teruk dan berlarutan terpaksa dipreskrib (Hasim, 2015). Selain daripada itu, kegagalan rawatan juga akan meningkatkan risiko infeksi oportunistik yang akan menambah kos rawatan kementerian kesihatan dan menyebabkan kematian pesakit (Volny-anne, 2020).

Kepatuhan kepada waktu ubat ARV dengan sepenuhnya boleh mengurangkan risiko rintangan ubat ARV (Friedland & Williams, 1999). Namun, kajian sistematik terdapat beberapa faktor yang menghalang kepatuhan ubat secara konsisten dalam negara maju dan negara membangun

(Mills et al., 2006). Faktor-faktor tersebut adalah stigma sosial, kebimbangan bahawa status RVD terdedah, perlupaan, kurang pemahaman kepada manfaat ubat, rejimen yang rumit dan berada di tempat yang jauh daripada tempat letak ubat (Bukanya et al., 2019; Mills et al., 2006).

Pencarian kaedah yang lebih baik untuk membantu pesakit mengambil ubat adalah bidang penyelidikan yang penting bagi pesakit RVD (Brink, 2018). *Pill Box* merupakan benda yang penting kepada pesakit RVD supaya mereka ingat mengambil ubat ketika masa ubat tiba (Brink, 2018). Walau bagaimanapun, kebanyakan *Pill Box* di pasaran mempunyai kelemahan. *Pill Box* konvensional terlalu besar dan tidak sesuai untuk dibawa di sisi badan (Clifton et al., 2013; Lisby et al., 2005). Kajian sebelumnya berpendapat bahawa saiz dan kemudahan merupakan aspek yang penting semasa mencipta *Pill Box* (Huang et al., 2014; Ray, 2014).

Klinik Kesihatan Sungai Besi merupakan klinik kesihatan bawah Kementerian Kesihatan Malaysia yang mempunyai 65 orang pesakit RVD yang mengambil ubat ARV. Pasukan RVD telah diwujudkan untuk memberi perkhidmatan kepada pesakit-pesakit RVD yang mendapatkan rawatan di klinik. Unit-unit yang terlibat dalam rawatan RVD adalah Unit Pegawai Perubatan, Unit Kejururawatan, Unit Farmasi, Unit Penolong Pegawai Perubatan dan Non-Profit Organisation (NGO) Malaysian AIDS Council.

Unit Pegawai Perubatan memainkan peranan untuk memberi rawatan kepada pesakit RVD. Unit Kejururawatan membantu pegawai perubatan dalam process rawatan RVD. Unit Farmasi mendispensekan ubat dan memberi kaunseling ubat ARV kepada pesakit RVD. Unit Penolong Pegawai Perubatan memberi khidmat nasihat kepada pesakit RVD. Manakala, NGO Malaysian AIDS Council memberi sokongan dan informasi kepada pesakit RVD supaya mereka boleh menjalani kehidupan secara normal.

Masalah ketidakpatuhan pengambilan ubat di kalangan pesakit RVD di Klinik Kesihatan Sungai Besi merupakan masalah utama semasa merawat penyakit RVD. Oleh sebab itu, wakil dari unit-unit di Klinik Kesihatan Sungai Besi bekerjasama untuk menyelesaikan masalah tersebut dengan piagam pelanggan untuk meningkat kualiti hidup pesakit RVD dan menambahbaikkan kepatuhan kepada waktu pengambilan ubat ARV dan mengurangkan kos perubatan pesakit RVD.

Invisible Pill Container merupakan projek inovasi berkategori produk yang “*Patient-centred*”. Ia berbentuk kecil, ringan dan mudah dibawakan ke mana-mana kerana ia senang dipasang pada rantai kunci dan telefon bimbit sebagai hiasan gantung dan sebagai penyamaran warna

barang peribadi (Gambar 7). Dengan ciri-ciri tersebut, kami percaya bahawa *Invisible Pill Container* boleh meningkatkan kepatuhan pesakit kepada waktu pengambilan ubat. Bentuk seperti hiasan gantung rantai kunci dan telefon bimbit juga memberikan keyakinan dan keselesaan kepada pesakit RVD untuk membawa ubat ARV di sisi badan dan mengambil ubat sekiranya tiba waktu pengambilan ubat. Faktor ini boleh meningkatkan keberkesanan rawatan RVD.

Tujuan projek *Invisible Pill Container* adalah menambahbaikkan kepatuhan kepada waktu pengambilan ubat ARV dan meningkatkan kualiti hidup pesakit RVD. Manakala, objektif kajian kami ialah untuk mengetahui kesan *Invisible Pill Container* terhadap kepatuhan waktu ubat dan keselesaan membawa ubat di kalangan pesakit RVD Klinik Kesihatan Sungai Besi.

2. PELAKSANAAN PROJEK

Projek inovasi tersebut dibangunkan ketika kursus inovasi di Pejabat Kesihatan Cheras pada tahun 2018. Perbincangan tentang prototaip dijalankan di dalam bilik mesyuarat Klinik Kesihatan Sungai Besi dan juga dalam kumpulan elektronik dari November 2018 hingga September 2019. Kumpulan elektronik projek *Invisible Pill Container* telah ditubuh pada 12 November 2018.

Ubat-ubat ARV telah diukur agar ubat tersebut boleh dimasukkan ke dalam prototaip (Gambar 3). Pesakit RVD ditemubual untuk mendapatkan pendapat mereka tentang prototaip *Invisible Pill Container*. Setelah prototaip pertama dikeluarkan dalam tahun 2018 (Gambar 5), ahli kumpulan menambahbaikkan prototaip tersebut dari segi saiz, bentuk dan kos. Bahan untuk prototaip pertama adalah plastik seperti polyethylene, polystyrene, polypropylene and polyvinyl chloride, di mana bahan tersebut sesuai dan selamat untuk dijadikan bekas ubat (Plastic Containers for Pharmaceuticals Plastic Containers for Medicines and Cosmetics, 2020).

Namun, bahan plastik lembik dan tidak tahan lasak. Prototaip *Invisible Pill Container* kedua telah dicipta pada Januari 2019 tetapi saiznya terlalu besar dan tidak mencapai perlindungan privasi pesakit RVD. Oleh itu, prototaip *Invisible Pill Container* ketiga yang mempunyai saiz berpatutan dicipta pada April 2019. Namun, bentuk prototaip ketiga masih tidak dapat melindungi privasi pesakit RVD kerana ia berbentuk seperti *Pill Box* konvensional yang sering dijumpa di pasaran. Akhir sekali, prototaip yang bersaiz kecil dan bentuk yang merupakan hiasan gantung kunci telah disetujui

oleh semua ahli kumpulan. Evolusi prototaip *Invisible Pill Container* adalah seperti Gambar 6.

Ciri-ciri fizikal prototaip terakhir *Invisible Pill Container* adalah seperti dalam Gambar 2. Bahan diguna adalah aluminium yang ringan supaya senang dibawa. Aluminium didapati selamat digunakan sebagai bekas farmaseutikal kerana ia kalis air, kalis lembap, kalis udara dan tidak menggalakkan pertumbuhan bakteria (The Future Protects of Aluminium, 2018). Bentuk *Invisible Pill Container* adalah serupa tiub yang kecil. Penutup yang “twist-lock” menjadikan produk tersebut kalis air. Warna *Invisible Pill Container* boleh dipilih berdasarkan kesukaan pesakit (Gambar 1). Kos untuk satu unit *Invisible Pill Container* ialah RM 2.17. Pejabat Kesihatan Cheras menaja kos projek ini.

Penyelidikan telah dijalankan terhadap *Invisible Pill Container* setelah prototaip akhir disetujui oleh semua ahli. Soal selidik terhadap projek ini telah dijawab oleh 30 orang pesakit RVD di Klinik Kesihatan Sungai Besi sebelum dan selepas diberi *Invisible Pill Container* selama satu bulan. *Invisible Pill Container* diberi dengan percuma. Pesakit diminta memasang terus *Invisible Pill Container* pada barang peribadi yang mereka tidak akan lupa membawa keluar rumah, seperti dompet, kunci kereta, telefon bimbit dan barang peribadi lain-lain. Temubual pesakit RVD dijalankan di dalam bilik yang senyap dan privasi pesakit dilindungi. Data pesakit direkod tanpa mendedahkan identiti. Subjek dipilih dengan cara persampelan konvenien. Analisis deskriptif telah dijalankan.

Soalan soal selidik kajian ini merangkumi dua bahagian utama, iaitu kepatuhan waktu ubat dan keselesaan membawa ubat. Pesakit diminta untuk memberitahu kekerapan lewat mengambil ubat dan kekerapan tertinggal ubat dalam satu bulan yang lepas. Pesakit juga diminta untuk menjawab tahap kesetujuan bagi kesukaran untuk mencapai ubat ARV pada masa yang tepat, cenderung tertinggal atau lewat mengambil ubat ketika berada di luar rumah, dan tidak selesa untuk membawa ubat ARV di sisi badan.

3. DAPATAN / KEPUTUSAN KAJIAN

Sebelum *Invisible Pill Container* diguna oleh pesakit RVD, dapatan soal selidik terdapat 40% pesakit RVD di bawah rawatan ARV di Klinik Kesihatan Sungai Besi tidak mengambil ubat ARV pada masa yang ditetapkan (Carta 1) dan 3.3% pesakit pernah tertinggal dos ubat pada dalam satu bulan yang lepas (Carta 3).

Semasa bertemu bual dengan pesakit RVD di Klinik Kesihatan Sungai Besi, kami telah meringkaskan sebab-sebab ketidakpatuhan kepada tiga sebab utama, iaitu tidak dapat mencapai ubat pada masa yang tepat, lebih cenderung untuk tertinggal atau terlewat mengambil ubat ketika berada di luar rumah dan tidak selesa untuk membawa ubat di sisi badan. Data borang kaji selidik kami menyatakan bahawa 26.6% pesakit RVD menghadapi kesukaran untuk mencapai ubat ARV pada masa yang tepat (Carta 5). Terdapat 36.7% pesakit RVD mengaku bahawa mereka lebih cenderung untuk tertinggal atau terlewat mengambil ubat ARV ketika berada di luar rumah (Carta 7). Terdapat 50% pesakit rasa tidak selesa untuk membawa ubat ARV di sisi badan (Carta 9). Data di atas telah didapatkan sebelum *Invisible Pill Container* diperkenalkan.

Selepas mengguna *Invisible Pill Container* selama satu bulan, peratus pesakit yang tidak mematuhi waktu ubat ARV telah berkurang dari 40% kepada 10% (Carta 2), manakala peratus pesakit yang tertinggal ubat ARV telah meurun dari 3.3% kepada sifar (Carta 4). Sementara itu, peratus pesakit yang sukar mencapai ubat ARV pada masa yang tepat berkurang dari 26.7% kepada 3.3% (Carta 6). Selain itu, hanya 6.7% pesakit RVD yang mengguna *Invisible Pill Container* mengaku bahawa mereka cenderung tertinggal atau lewat mengambil ubat ARV ketika berada di luar (Carta 8), berbanding dengan 36.6% pesakit yang sebelum mengguna *Invisible Pill Container*. Peratus pesakit yang tidak selesa untuk membawa ubat ARV di sisi juga telah berkurang dari 50.0% kepada 16.7% (Carta 10).

Di samping itu, sebanyak 96.7% pesakit RVD berpendapat bahawa *Invisible Pill Container* membantu mereka untuk mengambil ubat pada masa yang tepat setiap hari (Carta 11). 93.3% pesakit RVD rasa *Invisible Pill Container* memberi kesenangan ketika mengambil ubat (Carta 12). 90.0% pesakit rasa selesa untuk membawa *Invisible Pill Container* di sisi badan mereka (Carta 13). Lebih penting lagi, terdapat 66.7% pesakit RVD rasa *Invisible Pill Container* sangat berguna dan 23.3% rasa berguna untuk membantu dari segi pengambil ubat pada masa yang tepat dengan selesa (Carta 14).

4. PERBINCANGAN

Untuk mencapai sasaran 90-90-90 yang dijangka menamatkan pandemik RVD menjelang tahun 2030 (Myhre & Sifris, n.d.), Kementerian Kesihatan Malaysia memastikan semua pesakit RVD menerima rawatan ARV (Suleiman

& Chai Phing Tze, 2014). Kepatuhan kepada ubat ARV amat penting untuk menurunkan risiko kegagalan rawatan (Brink, 2018). Walau demikian, peratus pesakit RVD yang mematuhi waktu ubat di Klinik Kesihatan Sungai Besi tidak memuaskan kerana terdapat seramai 40% pesakit gagal mengambil ubat pada masa yang tepat. Data ini boleh dibanding dengan meta-analisis Amerika Syarikat yang menyatakan bahawa hanya 55% pesakit RVD yang mencapai kepatuhan ubat dalam kalangan 17,573 orang pesakit. Peratus ini juga tidak memuaskan bagi penyelidik yang menjalankan kajian meta-analisis tersebut (Schaecher, 2013) *poor adherence to treatment has the potential to impact outcomes on multiple levels. Poor adherence to antiretroviral therapy (ART).*

Kajian kami juga mendapati bahawa 3.3% pesakit telah tertinggal ubat dalam satu bulan yang lepas. Walau demikian, kami tetap mengendahkan data ini kerana risiko penularan jangkitan RVD wujud sekiranya muatan virus meningkat akibat ketidakpatuhan kepada ubat ARV. Pesakit yang sering tinggalkan dos ubat ARV mengalami risiko kegagalan rawatan yang tinggi (Brink, 2018). Kegagalan virologi merupakan salah satu kategori kegagalan rawatan yang ditakrifkan sebagai kegagalan untuk mencapai muatan virus kurang daripada 1000 *copies per mililiter* dengan rawatan ARV (Choy, 2017). Risiko penularan penyakit RVD meningkat dengan mendadak dan stabil apabila muatan virus meningkat (Hollander, 2001). Di samping ini, tiga kajian terkini, iaitu PARTNER, Opposites Attract dan PARTNER2, melaporkan bahawa kadar penularan penyakit RVD antara pasangan seks serodiscordant yang menjalankan aktiviti seks tanpa perlindungan adalah rendah selagi pasangan yang HIV-positif mencapai penindasan virus (Bavinton et al., 2018; Rodger et al., 2016, 2019) *SETTING, AND PARTICIPANTS The prospective, observational PARTNER (Partners of People on ART-A New Evaluation of the Risks. Oleh yang demikian, kami berpendapat bahawa kepatuhan kepada ubat ARV amat penting bukan sahaja bagi kesihatan pesakit RVD sendiri, tetapi juga penting bagi mengurangkan risiko penularan jangkitan kepada orang lain, serta mengurangkan kos rawatan dan perubatan RVD yang ditanggung oleh Kementerian Kesihatan Malaysia.*

Penggunaan *Pill Box* telah dicadangkan kepada pesakit yang mengambil ubat ARV (Pebody, 2020). *Pill Box Organiser* didapati meningkatkan kepatuhan kepada ubat sebanyak 4-5% dalam kalangan populasi bandar miskin (Petersen et al., 2007). Namun, kami berpendapat

bahawa *Pill Box* konvensional selalunya besar, berat, tidak dapat dimasukkan ke dalam dompet, tidak dapat dipasang pada rantai kunci dan rantai telefon bimbit, dan tidak memberi privasi kepada pesakit. Ini menyebabkan pesakit RVD rasa bimbang terhadap sosial stigma dan rasa tiada kemudahan untuk membawa *Pill Box* konvensional di sisi badan. Kami juga membuat postulat bahawa kelemahan *Pill Box* konvensional tersebut menyebabkan sesetengah pesakit RVD di Klinik Kesihatan Sungai Besi sukar mencapai ubat pada masa yang tepat semasa menjalankan aktiviti harian, cenderung untuk tertinggal atau terlewat dose ubat kerana tidak membawa ubat ketika di luar rumah dan tidak selesa membawa ubat di sisi badan disebabkan oleh stigma sosial. Di samping itu, kajian sebelumnya berpendapat sama dengan postulat kami. Kajian tersebut mengatakan bahawa *Pill Box* yang besar tidak sesuai sentiasa dibawa di sisi badan disebabkan oleh stigma sosial (Bachman et al., 2013; Clifton et al., 2013; Lisby et al., 2005) China, used Wisepill for one ART medication for one month. We monitored device use and adherence and explored acceptability of the device among patients. Mean adherence was 89.2% (SD 10.6%).

Kelemahan *Pill Box* konvensional menghalang pesakit daripada membawa ubat ARV di sisi badan dan pesakit sukar mematuhi waktu pengambilan ubat dengan tepat. Pendapat ini disetujui oleh kajian Bachman et al. (2003) yang menyatakan bahawa pesakit RVD tidak suka membawa *Pill Box* yang besar di sisi badan kerana ia menyebabkan ketidakselesaian semasa membawa *Pill Box* di depan orang awam. Dalam kajian tersebut pesakit RVD juga bimbang bahawa status HIV terdedah jika mereka membawa *Pill Box* yang besar di sisi badan.

Setelah menganalisa masalah di atas, kami mendapati bahawa populasi zaman ini sentiasa membawa dompet, telefon bimbit dan kunci kereta ketika keluar rumah. Kajian Ichikawa et al. (2005) mendapati bahawa perempuan sering membawa telefon bimbit di dalam beg manakala lelaki sering membawa telefon bimbit di dalam poket. Kami juga berpendapat bahawa jika mempunyai *Pill Box* yang kecil, ringan dan boleh dipasang ke telefon bimbit atau kunci, pesakit akan lebih mematuhi kepada jadual pengambilan ubat yang tepat tanpa menghadapi stigma sosial. Pendapat ini disokong oleh Bachman et al. (2003) yang mengatakan bahawa sesetengah pesakit RVD lebih suka *Pill Box* yang kecil dan tidak menjolok mata supaya status HIV mereka tidak mudah terdedah. Selain itu, salah satu punca pesakit RVD tidak mengambil ubat ARV pada masa yang tepat adalah kerana pesakit

enggan membawa *Pill Box* yang besar di sisi badan ketika keluar rumah. Sesetengah pesakit mengambil ubat ARV hanya ketika berada di rumah. Ini akan menyebabkan kelewatan pengambilan ubat ARV jika pesakit tidak sempat pulang ke rumah sebelum waktu ubat tiba. Oleh yang demikian, *Pill Box* yang senang dibawa di sisi badan pesakit dan yang melindungi status RVD amat diperlukan di kalangan pesakit yang berkenaan. Bentuk *Pill Box* konvensional perlu diperbaiki demi mencapai ciri-ciri tersebut.

Sejak mengguna *Invisible Pill Container*, peratus pesakit RVD di Klinik Kesihatan Sungai Besi yang rasa sukar mencapai ubat pada masa yang tepat, cenderung tertinggal atau terlewat dos ubat ketika di luar rumah dan tidak selesa membawa ubat di sisi badan telah menurun secara mendadak dalam masa satu bulan. Pesakit RVD rasa lebih mudah untuk membawa ubat ARV di sisi badan mereka kerana *Invisible Pill Container* yang kecil boleh digantung sebagai hiasan pada telefon bimbit, kunci dan barang peribadi lain-lain. Selain itu, *Invisible Pill Container* yang tidak menjolok mata memberi keyakinan dan keselesaan kepada pesakit RVD untuk membawa ubat keluar rumah tanpa bimbang terhadap sosial stigma. Ini sekaligus mengurangkan risiko pesakit tertinggal dan terlewat mengambil ubat. Dapatan ini disokong oleh penyelidik di Amerika Syarikat dan Afrika Selatan yang mengatakan bahawa *Pill Box* akan menjadi lebih baik jika saiznya kecil (Bionghi et al., 2018; Hayes et al., 2006). Kajian di Cina juga setuju dengan kemudahan *Pill Box* yang mempunyai saiz kecil dan berciri fizikal yang tidak menjolok mata supaya pesakit RVD rasa selesa untuk membawa *Pill Box* tersebut keluar rumah (Bachman et al., 2013). Selain itu, satu kajian mengenai pesakit pemindahan buah pinggan berpendapat bahawa *Pill Box* yang kecil boleh dibawa oleh pesakit dan membantu pesakit mengatur jadual ubat dan patuh kepada masa ubat-ubatan (Zelikovsky et al., 2008).

Dengan meningkatkan kepatuhan kepada waktu ubat, kami menjangka bahawa *Invisible Pill Container* boleh mengurangkan kos rawatan RVD dan kos komplisi RVD secara tidak langsung. Jangkaan ini berdasarkan kepada kajian sebelumnya yang mengatakan bahawa 4% peningkatan kepatuhan ubat ARV telah dikaitkan dengan penurunan muatan virus sebanyak 0.12 log₁₀ copies per mililiter (Bangsberg et al., 2000) dan penurunan risiko AIDS sebanyak 11% (Bangsberg, 2001). Di samping itu, Goldie et al. (2003) mendapati bahawa peningkatan kadar penindasan virus RVD sebanyak 14.5% adalah sepadan dengan pengurangan kadar kegagalan rawatan RVD sebanyak 20% setiap bulan. Petersen et al. (2007) berpendapat bahawa

penambahbaikan dalam kepatuhan ubat dan penindasan mungkin berkaitan dengan pengurangan kos untuk meningkatkan kualiti hidup pesakit RVD.

5. KESIMPULAN

Dengan terciptanya *Invisible Pill Container* ini, kepatuhan kepada waktu pengambilan ubat ARV dan kualiti hidup pesakit RVD boleh ditingkatkan. *Invisible Pill Container* juga memberi kesan yang positif dari segi menambahbaikan kepatuhan ubat ARV dan keselesaan membawa ubat di sisi badan di kalangan pesakit RVD Klinik Kesihatan Sungai Besi.

Projek *Invisible Pill Container* memberi manfaat dari segi tiga tahap: individu, masyarakat dan kementerian. Manfaat individu kerana ia meningkatkan kepatuhan ubat dan kualiti hidup pesakit RVD. Di samping mengelakkan stigma masyarakat dan mengurangkan risiko penularan penyakit RVD, kementerian kesihatan juga dapat menjimatkan kos perubatan akibat komplikasi RVD dan mencapai sasaran 90-90-90 yang dijangka menamatkan pandemik RVD menjelang tahun 2030.

Memandangkan kos projek yang berpatutan, kami bercadang untuk mengedarkan *Invisible Pill Container* kepada pesakit RVD yang menerima rawatan ubat ARV supaya kepatuhan ubat dicapai tanpa menjejaskan kualiti hidup pesakit. Selain itu, *Invisible Pill Container* juga boleh direplikasi pada penyakit yang memerlukan pengambilan ubat pada masa yang tetap dan tepat setiap hari, seperti Tuberculosis yang memerlukan tablet Akurit-2 dan Akurit-4, dan pesakit splenektomi yang memerlukan tablet Penicillin.

Ciri-ciri fizikal dan fungsi *Invisible Pill Container* boleh ditambahbaikan lagi. Kajian yang lebih lanjut boleh dijalankan di atas *Invisible Pill Container* atau konsep *Invisible Pill Container* dengan sample yang lebih luas seperti merangkumi bilangan subjek yang lebih ramai, pesakit-pesakit dari fasiliti atau institut lain, penyakit-penyakit infeksi lain dan jangka masa yang lebih panjang. Selain itu, penyelidik juga boleh mengaitkan penggunaan *Invisible Pill Container* dengan bacaan teknikal untuk menilai kepatuhan ubat dan perkembangan penyakit RVD seperti kadar kepatuhan ubat, muatan virus dan kiraan CD4. Akhirnya, soal selidik yang telah divalidasikan juga boleh diguna untuk menilai keberkesanan *Invisible Pill Container* dari segi kepuasan pesakit.

RUJUKAN

- Bachman, D. M., Gifford, A. L., Keyi, X., Li, Z., Feng, C., Brooks, M., Harrold, M., Yueying, H., Gill, C. J., Wubin, X., Vian, T., Haberer, J., Bangsberg, D., & Sabin, L. (2013). Feasibility and Acceptability of a Real-Time Adherence Device among HIV-Positive IDU Patients in China. *AIDS Research and Treatment*, 2013(16), 1–6.
- Bangsberg, D. R. (2001). Comparing objective measures of adherence to HIV antiretroviral therapy: Electronic medication monitors and unannounced pill counts. *AIDS and Behavior*, 5(3), 275–281. <https://doi.org/10.1023/A:1011396711486>
- Bangsberg, D. R., Hecht, F. M., Charlebois, E. D., Zolopa, A. R., Holodniy, M., Sheiner, L., Bamberger, J. D., Chesney, M. A., & Moss, A. (2000). Adherence to protease inhibitors, HIV-1 viral load, and development of drug resistance in an indigent population. *AIDS (London, England)*, 14(4), 357–366. <https://doi.org/10.1097/00002030-200003100-00008>
- Bangsberg, D. R., Perry, S., Charlebois, E. D., Clark, R. A., Roberston, M., Zolopa, A. R., & Moss, A. (2001). Non-adherence to highly active antiretroviral therapy predicts progression to AIDS. *AIDS*, 15(9), 1181–1183. <https://doi.org/10.1097/00002030-200106150-00015>
- Bavinton, B. R., Pinto, A. N., Phanuphak, N., Grinsztejn, B., Prestage, G. P., Zablotska-Manos, I. B., Jin, F., Fairley, C.K., Moore, R., Roth, N., Bloch, M., Pell, C., McNulty, A. M., Baker, D., Hoy, J., Tee, B. K., Templeton D. J., Cooper, D. A., Emery, S., ... Grulich, A. E. (2018). Viral Suppression and HIV Transmission in Serodiscordant Male Couples: An International, Prospective, Observational, Cohort Study. *The Lancet HIV*, 5(8), 438-447. [https://doi.org/10.1016/S2352-3018\(18\)30132-2](https://doi.org/10.1016/S2352-3018(18)30132-2)
- Bionghi, N., Daftary, A., Maharaj, B., Msibi, Z., Amico, K. R., Friedland, G., Orrell, C., Padayatchi, N., & O'Donnell, M. R. (2018). Pilot evaluation of a second-generation electronic pill box for adherence to Bedaquiline and antiretroviral therapy in drug-resistant TB/HIV co-infected patients in KwaZulu-Natal, South Africa. *BMC Infectious Diseases*, 18(1), 171. <https://doi.org/10.1186/s12879-018-3080-2>
- Brink, S. (2018, January 9). *Swallowing A' Mini-Pillbox 'Could Change The Way HIV Drugs Are Delivered*. National Public Radio.

- Bukenya, D., Mayanja, B. N., Nakamanya, S., Muhumuza, R., & Seeley, J. (2019). What causes non-adherence among some individuals on long term antiretroviral therapy? Experiences of individuals with poor viral suppression in Uganda. *AIDS Research and Therapy*, 16(1), 2. <https://doi.org/10.1186/s12981-018-0214-y>
- Burrell, C., & Levy, R. (1984). Therapeutic consequences of noncompliance. *Improving Medication Compliance*, 7–16.
- Choy, K. K. (2017). *Malaysian Consensus Guidelines on Antiretroviral Therapy 2017*. Ministry of Health Malaysia.
- Clifton, D. A., Wong, D., Clifton, L., Wilson, S., Way, R., Pullinger, R., & Tarassenko, L. (2013). A large-scale clinical validation of an integrated monitoring system in the Emergency Department. *IEEE Journal of Biomedical and Health Informatics*, 17(4), 835–842. <https://doi.org/10.1109/JBHI.2012.2234130>
- Friedland, G. H., & Williams, A. (1999). Attaining Higher Goals in HIV Treatment: The Central Importance of Adherence. *AIDS (London, England)*, 13 Suppl 1(1), S61-72. <http://www.ncbi.nlm.nih.gov/pubmed/10546786>
- García de Olalla, P., Knobel, H., Carmona, A., Guelar, A., López-Colomé, J. L., & Caylà, J. A. (2002). Impact of adherence and highly active antiretroviral therapy on survival in HIV-infected patients. *Journal of Acquired Immune Deficiency Syndromes*, 30(1), 105–110. <https://doi.org/10.1097/00126334-200205010-00014>
- Goldie, S. J., Paltiel, A. D., Weinstein, M. C., Losina, E., Seage, G. R., Kimmel, A. D., Walensky, R. P., Sax, P. E., & Freedberg, K. A. (2003). Projecting the cost-effectiveness of adherence interventions in persons with human immunodeficiency virus infection. *The American Journal of Medicine*, 115(8), 632–641.
- Hasim, H. (2015). *Terapi HIV*. MyHealth, Ministry of Health.
- Hayes, T. L., Hunt, J. M., Adami, A., & Kaye, J. A. (2006). An Electronic Pillbox for Continuous Monitoring of Medication Adherence. 2006 International Conference of the *IEEE Engineering in Medicine and Biology Society*, 23(1), 6400–6403. <https://doi.org/10.1109/IEMBS.2006.260367>
- Hogg, R. S., Heath, K., Bangsberg, D., Yip, B., Press, N., O’Shaughnessy, M. V., & Montaner, J. S. G. (2002). Intermittent use of triple-combination therapy is predictive of mortality at baseline and after 1 year of follow-up. *AIDS*, 16(7), 1051–1058. <https://doi.org/10.1097/00002030-200205030-00012>

- Hollander, D. (2001). Risk of HIV Transmission Is Raised by High Viral Load, Presence of Genital Ulcers. *Family Planning Perspectives*, 33(5), 240.
- Huang, S. C., Chang, H. Y., Jhu, Y. C., & Chen, G. Y. (2014). The intelligent pill box – Design and implementation. *2014 IEEE International Conference on Consumer Electronics – Taiwan*, 235–236. <https://doi.org/10.1109/ICCE-TW.2014.6904076>
- Ichikawa, F., Chipchase, J., & Grignani, R. (2005). *Where's the phone? A study of mobile phone location in public spaces*. IEE Mobility Conference 2005. The Second International Conference on Mobile Technology, Applications and Systems, 2005(496), 142–142. <https://doi.org/10.1049/cp:20051557>
- Lisby, M., Nielsen, L. P., & Mainz, J. (2005). Errors in the medication process: Frequency, type, and potential clinical consequences. *International Journal for Quality in Health Care*, 17(1), 15–22. <https://doi.org/10.1093/intqhc/mzi015>
- Mills, E. J., Nachega, J. B., Bangsberg, D. R., Singh, S., Rachlis, B., Wu, P., Wilson, K., Buchan, I., Gill, C. J., & Cooper, C. (2006). Adherence to HAART: A Systematic Review of Developed and Developing Nation Patient-Reported Barriers and Facilitators. *PloS Medicine*, 3(11), 438. <https://doi.org/10.1371/journal.pmed.0030438>
- Ministry of Health Malaysia. (2019). *Country Progress Report On HIV/AIDS 2019*. [https://www.moh.gov.my/moh/resources/Penerbitan/Laporan/Umum/Report_GAM_2019_\(Final\).pdf](https://www.moh.gov.my/moh/resources/Penerbitan/Laporan/Umum/Report_GAM_2019_(Final).pdf)
- Myhre, J., & Sifris, D. (n.d.). *Bolehkah Strategi PBB Menamatkan Kerja Epidemik HIV?* Approbly. Retrieved December 10, 2020, from <https://ms.approbly.com/bolehkah-strategi-pbb-menamatkan-kerja-epidemik-hiv/>
- Ngadiman, S., Suleiman, A., Aziz, M. N. A., Yuswan, F., Taib, S. M., Masnin, H., Ellan, P., Kurusamy, T., Chandrasekaran, S., & Elo, O. (2015). *National Strategic Plan – Ending AIDS 2016-2030*. Ministry of Health Malaysia.
- Pebody, R. (2019, July). *Adherence to HIV treatment*. <https://www.aidsmap.com/about-hiv/adherence-hiv-treatment>
- Pebody, R. (2020). Adherence tips. <https://www.aidsmap.com/about-hiv/adherence-tips>
- Petersen, M. L., Wang, Y., van der Laan, M. J., Guzman, D., Riley, E., & Bangsberg, D. R. (2007). Pillbox organizers are associated with improved adherence to HIV antiretroviral therapy and viral suppression: a marginal structural model analysis. *Clinical Infectious Diseases: An Official Publication of the Infectious Diseases Society of America*, 45(7), 908–915. <https://doi.org/10.1086/521250>

- Peterson, A. M., Takiya, L., & Finley, R. (2003). Meta-analysis of trials of interventions to improve medication adherence. *American Journal of Health-System Pharmacy*, 60(7), 657–665. <https://doi.org/10.1093/ajhp/60.7.657>
- Rdiplastics. (2020, April 24). *Plastic containers for pharmaceuticals*. <https://www.rdiplastics.com/en/plastic-containers/plastic-containers-pharmaceuticals/#:~:text=Plastic%20containers%20for%20medicines%20and%20cosmetics&text=Plastic%20containers%20suitable%20for%20packaging,and%20polymethyl%20methacrylates%2C%20among%20others>
- Ray, P. P. (2014). Home Health Hub Internet of Things (H3IoT): An architectural framework for monitoring health of elderly people. *2014 International Conference on Science Engineering and Management Research (ICSEMR)*, 1–3.
- Rodger, A. J., Cambiano, V., Bruun, T., Vernazza, P., Collins, S., Degen, O., Corbelli, G. M., Estrada, V., Weber, R., Eeden, A. Van, Brockmeyer, N. H., Clarke, A., Guerrero, R., Raffi, F., & Bogner, J. R. (2019). Risk of HIV transmission through condomless sex in serodifferent gay couples with the HIV-positive partner taking suppressive antiretroviral therapy (PARTNER): final results of a multicentre , prospective , observational study. *Lancet HIV*, 3(9), 2428–2438. [https://doi.org/10.1016/S0140-6736\(19\)30418-0](https://doi.org/10.1016/S0140-6736(19)30418-0)
- Rodger, A. J., Cambiano, V., Bruun, T., Vernazza, P., Collins, S., van Lunzen, J., Corbelli, G. M., Estrada, V., Geretti, A. M., Beloukas, A., Asboe, D., Viciano, P., Gutiérrez, F., Clotet, B., Pradier, C., Gerstoft, J., Weber, R., Westling, K., Wandeler, G., ... Lundgren, J. (2016). Sexual Activity Without Condoms and Risk of HIV Transmission in Serodifferent Couples When the HIV-Positive Partner Is Using Suppressive Antiretroviral Therapy. *JAMA*, 316(2), 171. <https://doi.org/10.1001/jama.2016.5148>
- Roshaizad, N. A., & Adnan, H. A. (2020). Kepatuhan Pesakit HIV Positif terhadap Rawatan Highly Active Antiretroviral Therapy (HAART). *Jurnal Psikologi Malaysia*, 34(2), 81–92. <http://spaj.ukm.my/ppppm/jpm/issue/view/39>
- Schaecher, K. L. (2013). The importance of treatment adherence in HIV. *The American Journal of Managed Care*, 19(12), 231–7. <http://www.ncbi.nlm.nih.gov/pubmed/24495293>
- Suleiman, A., & Chai Phing Tze. (2014). *Country Progress Report on HIV / AIDS 2019 Malaysia* (Issue March). Ministry of Health Malaysia.

- The Future Protects of Aluminium. (2018). *The hygienic and protective properties of aluminium used in pharmaceutical blisters packs or tubes provide a barrier against external factors such as heat, moisture, bacteria and odours.* <https://packaging.world-aluminium.org/benefits/hygienic-safe.html#:~:text=Aluminium foil is completely sterile, promote the growth of bacteria>
- Viswanathan, M., Golin, C. E., Jones, C. D., Ashok, M., Blalock, S. J., Wines, R. C. M., Coker-Schwimmer, E. J. L., Rosen, D. L., Sista, P., & Lohr, K. N. (2012). Interventions to improve adherence to self-administered medications for chronic diseases in the United States: a systematic review. *Annals of Internal Medicine*, 157(11), 785–795. <https://doi.org/10.7326/0003-4819-157-11-201212040-00538>
- Volny-anne, A. (2020, July 7). *Opportunistic infections remain common in people taking HIV treatment in Latin America.* Aidsmap. [https://www.aidsmap.com/news/jul-2020/opportunistic-infections-remain-common-people-taking-hiv-treatment-latin-america#:~:text=opportunistic infection \(OI\)&text=Opportunistic infections common in people, and some types of cancer](https://www.aidsmap.com/news/jul-2020/opportunistic-infections-remain-common-people-taking-hiv-treatment-latin-america#:~:text=opportunistic infection (OI)&text=Opportunistic infections common in people, and some types of cancer)
- Wahid, M. (2014). *Aku HIV Positif.* <http://akuhivpositif.blogspot.com/2014/09/hiv-aids-tidak-pernah-menjadi-penyebab.html>
- World Health Organization. (2019, July). *HIV Drug Resistance Report 2019.* <https://www.who.int/hiv/pub/drugresistance/hivdr-report-2019/en/>
- World Health Organization. (2012, December 1). *World AIDS Day 2012: Getting to Zero.* https://www.who.int/hiv/events/2012/world_aids_day/en/
- Zelikovsky, N., Schast, A. P., Palmer, J., & Meyers, K. E. C. (2008). Perceived barriers to adherence among adolescent renal transplant candidates. *Pediatric Transplantation*, 12(3), 300–308. <https://doi.org/10.1111/j.1399-3046.2007.00886.x>


LAMPIRAN




Gambar 1. Warna Invisible Pill Container



Gambar 2. Ciri-ciri Fizikal Invisible Pill Container




Gambar 3. Saiz ubat ARV di klinik kesihatan



Gambar 4. Rintangan berlaku jika ubat ARV lewat diambil (Wahid, 2014)



Gambar 5. Prototaip Pertama Invisible Pill Container




Gambar 6. Evolusi prototaip Invisible Pill Container




Gambar 7. Invisible Pill Container boleh dijadikan penyamaran warna barang


peribadi pesakit dan juga hiasan gantung




Carta 1. Peratus pesakit RVD yang lewat mengambil ubat ARV dalam satu bulan yang lepas sebelum mengguna Invisible Pill Container




Carta 2. Peratus pesakit RVD yang lewat mengambil ubat ARV dalam satu bulan yang lepas semasa mengguna Invisible Pill Container




Carta 3. Peratus pesakit RVD yang tertinggal dos ubat dalam satu bulan yang lepas sebelum mengguna Invisible Pill Container



Carta 4. Peratus pesakit RVD yang tertinggal dos ubat dalam satu bulan yang lepas semasa mengguna Invisible Pill Container




Carta 5. Peratus pesakit RVD menghadapi kesukaran untuk mencapai ubat ARV pada masa yang tepat sebelum mengguna Invisible Pill Container




Carta 6. Peratus pesakit RVD menghadapi kesukaran untuk mencapai ubat ARV pada masa yang tepat semasa mengguna Invisible Pill Container

Percentage of patients who tend to miss/delay dose at outside before using Invisible Pill Container (%)




Carta 7. Peratus pesakit RVD yang cenderung tertinggal atau lewat mengambil ubat ARV ketika berada di luar sebelum mengguna Invisible Pill Container


Percentage of patients who tend to miss/delay dose at outside when using Invisible Pill Container (%)



Carta 8. Peratus pesakit RVD yang cenderung tertinggal atau lewat mengambil ubat ARV ketika berada di luar semasa mengguna Invisible Pill Container




Carta 9. Peratus pesakit RVD yang rasa tidak selesa untuk membawa ubat ARV di sisi badan sebelum mengguna Invisible Pill Container




Carta 10. Peratus pesakit RVD yang rasa tidak selesa untuk membawa ubat ARV di sisi badan semasa mengguna Invisible Pill Container

Invisible Pill Container helps to take medicine on time everyday (%)




Carta 11. Peratus pesakit yang rasa bahawa Invisible Pill Container membantu mereka untuk mengambil ubat pada masa yang tepat setiap hari


Invisible Pill Container provides convenience when taking medication (%)



Carta 12. Peratus pesakit RVD yang rasa Invisible Pill Container memberi kemudahan ketika mengambil ubat



Carta 13. Peratus pesakit yang rasa selesa untuk membawa Invisible Pill Container di sisi badan



Carta 14. Adakah Invisible Pill Container membantu anda dari segi pengambilan ubat pada masa yang tepat setiap hari?

HIV-RELATED STIGMA AND DISCRIMINATION: A STUDY AMONG PHARMACISTS WORKING IN HEALTH CLINICS UNDER KUALA LUMPUR AND PUTRAJAYA HEALTH DEPARTMENT

**Choon Ching Ju^{1*}, Looi Seen Julie², Teow Wei Chien³, Khoo Yong Leong⁴,
Ramanathan Kalai Selvi⁵**

¹Klinik Kesihatan Sungai Besi

²Klinik Kesihatan Tanglin

³Klinik Kesihatan Petaling Bahagia

⁴Klinik Kesihatan Jinjang

⁵Klinik Kesihatan Setapak

*Choon Ching Ju (Emel: choonchingju@gmail.com)

ABSTRACT

Human Immunodeficiency Virus (HIV)-related stigma and discrimination by healthcare workers (HCW) compromises patients' medication adherence and wellbeing. Hence, it is crucial to discover the HIV-related stigma and discrimination among HCW. This study aimed to describe the HIV-related stigma and discrimination among pharmacists and its association with socio-demographic characteristics, health facility environment, and health facility policies. This is a cross-sectional study with self-administered questionnaires which involves all 156 pharmacists working in primary health clinics under Kuala Lumpur and Putrajaya Health Department (JKWPKL&P). Variables associated with HIV-related stigma and discrimination are analysed. Most participants agree that people living with HIV (PLHIV) have had many sexual partners (68.6%) and HIV infection is due to irresponsible behaviour (69.9%). The percentage of females (44.9%, n=61) who are unwilling to serve people who inject drugs (PWID) doubled the percentage of male participants (20%, n=4) who share the same opinion (p=0.036). Half (50%, n=35) of the participants between 30-39 years old have negative opinions towards PLHIV (p=0.012). About 84.6% (n=11) and 58.3% (n=7) of participants who have co-workers with stigmatising attitude towards PLHIV would avoid physical contact (p=0.003) and would use special infection control measure (p=0.002) when dealing with PLHIV. Most participants (74.4%, n=99) who have seen PLHIV within the past 12 months have negative opinions towards PLHIV (p=0.001). Likewise, 78.1%

($n=50$) of participants having co-workers who stigmatise PLHIV also have negative opinions towards PLHIV ($p=0.029$). Majority of participants working in facilities with adequate HIV risk reduction supplies are willing to serve PWID (63.3%, $n=75$, $p=0.014$) and sex workers (80.8%, $n=97$, $p=0.048$). Most pharmacists possess HIV-related stigma. Age and gender are the only socio-demographic characteristics that significantly associated with willingness to serve PWID. Besides, health facility environment and health facility policies are also significantly associated with higher infection concern and having negative opinions when dealing with PLHIV. Discrimination is minimal but stigmatisation is notable among pharmacists. Stigma reduction program is therefore recommended to be incorporated into the Pharmacy HIV Training Modules.

Keywords: Discrimination, Healthcare Workers, HIV, Pharmacists, Stigma

ABSTRAK

Stigma dan diskriminasi terhadap pesakit Human Immunodeficiency Virus (HIV) oleh kakitangan kesihatan (HCW) menjejaskan kepatuhan ubat dan kesejahteraan pesakit. Oleh itu, pengetahuan tentang stigma dan diskriminasi terhadap pesakit HIV di antara HCW adalah sangat penting. Kajian ini bertujuan untuk menggambarkan stigma dan diskriminasi yang berkaitan dengan HIV di kalangan ahli farmasi dan hubungannya dengan ciri socio-demografi, persekitaran fasiliti kesihatan, dan polisi fasiliti kesihatan. Ini merupakan kajian keratan rentas dengan soal selidik yang dikendalikan sendiri. Ia melibatkan semua 156 ahli farmasi yang bekerja di klinik kesihatan di bawah Jabatan Kesihatan Kuala Lumpur dan Putrajaya (JKWPKL & P). Hubungan antara variabel-variabel dengan stigma dan diskriminasi telah dianalisa. Kebanyakan peserta bersetuju bahawa orang yang hidup dengan HIV (PLHIV) mempunyai ramai pasangan seksual (68.6%) dan jangkitan HIV adalah disebabkan oleh tingkah laku yang tidak bertanggungjawab (69.9%). Jumlah peratus wanita (44.9%, $n=61$) yang tidak bersedia untuk memberi perkhidmatan kepada orang yang menyuntik dadah (PWID) adalah dua kali ganda berbanding dengan jumlah peratus peserta lelaki (20%, $n=4$) yang mempunyai pendapat yang sama ($p=0.036$). Separuh (50%, $n=35$) peserta berusia antara 30-39 tahun mempunyai pendapat negatif terhadap PLHIV ($p=0.012$). Sebanyak 84.6% ($n=11$) dan 58.3% ($n=7$) peserta yang mempunyai rakan sekerja dengan sikap

stigmatisasi terhadap PLHIV akan mengelakkan hubungan fizikal ($p=0.003$) dan akan menggunakan langkah kawalan infeksi khas ($p=0.002$) ketika berurusan dengan PLHIV. Sebilangan besar peserta (74.4%, $n=99$) yang telah berjumpa dengan PLHIV dalam 12 bulan yang lepas mempunyai pendapat negatif terhadap PLHIV ($p=0.001$). Selain itu, sebanyak 78.1% ($n=50$) peserta yang mempunyai rakan sekerja yang menstigma PLHIV juga mempunyai pendapat negatif terhadap PLHIV ($p=0.029$). Kebanyakan peserta yang bekerja di fasiliti dengan bekalan pengurangan risiko HIV yang mencukupi bersedia untuk memberi perkhidmatan kepada PWID (63.3%, $n=75$, $p=0.014$) dan pekerja seks (80.8%, $n=97$, $p=0.048$). Kebanyakan ahli farmasi mempunyai stigma terhadap pesakit HIV. Umur dan jantina adalah ciri sosio-demografi yang didapati berasosiasi secara signifikan dengan kesediaan untuk memberi perkhidmatan kepada PWID. Selain itu, persekitaran fasiliti kesihatan dan polisi fasiliti kesihatan juga berasosiasi secara signifikan dengan kebimbangan jangkitan yang lebih tinggi dan mempunyai pendapat negatif ketika berurusan dengan PLHIV. Diskriminasi adalah minimum tetapi stigmatisasi dapat dilihat di kalangan ahli farmasi. Oleh itu, program pengurangan stigma disyorkan untuk dimasukkan ke dalam Modul Latihan HIV Farmasi.

Kata Kunci: *Diskriminasi, Kakitangan Kesihatan, HIV, Ahli Farmasi, Stigma*

1. INTRODUCTION

The Human Immunodeficiency Virus (HIV) epidemic has seen 76.1 million people diagnosed with the virus and in 2016, there were 36.7 million people living with HIV globally. The global community has committed to end Acquired Immunodeficiency Syndrome (AIDS) as a public threat by 2030 as part of Sustainable Development Goals (SDG) (Ministry of Health Malaysia, 2015).

In Malaysia, a total of 105,988 HIV cases has been documented for over three decades following its discovery since 1986, and in year 2018, the number of diagnosed people living with HIV (PLHIV) is 75,100, while only 41,500 people (55.3%) on antiretroviral therapy (ART), leaving a treatment gap of 33,600 PLHIV untreated (HIV AIDS Asia Pacific Research Statistical Data Information Resources AIDS Data Hub, 2019).

The National Strategic Plan for Ending AIDS (NSPEA) adopts “Ending AIDS by 2030” as the strategy for Malaysia to achieve the vision of “Zero new infections, Zero discrimination and Zero AIDS related deaths”.

Under NSPEA, one of the strategies underlined is the reduction of HIV/AIDS related stigma and discrimination which is a global issue especially in developing countries and countries with multiple cultures, religions and moral values, such as Malaysia (Ministry of Health Malaysia, 2015).

Stigma generally refers to negative beliefs or attitudes assigned to people when their attributes are considered different or inferior to societal norms. When stigma is acted upon, the result is discrimination which comprises actions or omissions that are derived from stigma (Goffman, 2009). There are two types of stigma, namely perceived stigma and enacted stigma. Perceived stigma refers to imagined fear of societal attitudes or potential discrimination; while enacted stigma refers to a real experience of discrimination (Harapan et al., 2013; Henderson et al., 2011).

Stigmatized and discriminatory attitudes among healthcare professionals were common in neighbouring countries such as China and Indonesia (Ma et al., 2010; Malaysian Aids Council, 2018). Healthcare professionals in China had negative biases against patients living with HIV/AIDS (PLWHA) as they were less willing to interact with PLWHA compared to hepatitis B patients (Ma et al., 2010). Meanwhile, the level of stigmatized and discriminatory attitudes towards PLWHA was high among the healthcare workers in Bandar Aceh, Indonesia due to irrational fear of HIV transmission and knowledge on transmission and prevention of HIV (Malaysian Aids Council, 2018).

The first study on Malaysian hospital pharmacists revealed an unexpected result in which 66.7% of the 75 hospital pharmacists endorsed a negative attitude towards PLWHA. The author believed that the negative attitude is influenced by culture, ethnicity, gender, age and urban-rural locality (Katz et al., 2013). A study carried out among the medical students in Universiti Putra Malaysia found that pre-clinical students were significantly more stigmatising towards PLWHA and surprisingly the result was not associated with the level of knowledge the students possessed (Malcolm et al., 1998).

HIV/AIDS-related stigma and discrimination attitudes deter the effectiveness of HIV prevention, testing and treatment to PLHIV (Heyward et al., 1993). Besides, these stigmas also reduce the quality of treatment and self-esteem of the patient that compromised PLWHA's abilities to successfully adhere to ART (Katz et al., 2013; Kaur, 2015; Khan & Baiq, 2013; Li et al., 2006). ART adherence is the key to HIV viral suppression that

led to positive clinical outcomes and 95% adherence to ART is required to produce result of HIV load suppression of <400 copies/mL in the majority of individuals (Lugova et al., 2015). Pharmacists' involvement in providing care to HIV positive patients have been associated with better clinical outcomes including enhanced medication adherence, greater increases in CD4 cell counts, higher viral suppression, reduced pill and reduced medication errors (Ministry of Health Malaysia and UNICEF, 2008; Monjok et al., 2009).

